

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

FAKULTI SAINS KESIHATAN
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN
PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

ZULKHAIRI BIN AMOM

KETUA UNIT KUALITI :

EMIDA BT MOHAMED

PENYELARAS :

EMMY HAINIDA BINTI KHAIRUL IKRAM

PENULIS :

1. SHARIFAH SHAFINAZ BINTI SH ABDULLAH
2. EMMY HAINIDA BINTI KHAIRUL IKRAM
3. NUR ATIQA BINTI AZMAN
4. EMIDA BT MOHAMED
5. SITI ROHANA BINTI MOHD YATIM
6. NAZRUL HADI BIN ISMAIL
7. NORAINI BINTI HASHIM

8. FATIMAH BINTI SHAM
9. TENGKU SHAHRUL ANUAR BIN TENGKU AHMAD BASRI
10. NORHISHAM BIN HARON
11. HARTINI BINTI YUSOF
12. MOHD AMIRUL BIN TAJUDDIN
13. MOHD SHUKRI BIN MOHD ARIS
14. SITI NORASHIKIN BINTI MOHAMAD SHAIFUDDIN
15. MARIA JUSTINE @ STEPHANY
16. FATIM TAHIRAH BINTI MIRZA MOHD TAHIR BEG
17. AHMAD ZAMIR BIN CHE DAUD
18. SHAZ'AIN BINTI RAZAK
19. SYAHRUL BARIAH BINTI ABDUL HAMID
20. MOHD RAMADAN BIN AB HAMID
21. NAZRI BIN CHE DOM
22. HAIRENANORASHIKIN BINTI SHARIP
23. SUHANA BINTI SULAIMAN
24. NAIM FAIZ BIN AHMAD IMRAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Peranan FSK telah menjadi nadi penggerak dalam melaksanakan sistem pendidikan dalam bidang kesihatan merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang disokong ke arah kurikulum dinamik, tenaga kerja kompeten, beretika, komited dan berpengetahuan serta prasarana kondusif sejajar dengan perkembangan teknologi terkini. **Perancangan:** Bagi memastikan matlamat ini tercapai, kepimpinan FSK telah membuat transformasi dalam pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan selari dengan merealisasikan tema strategik penyelidikan seperti yang termaktub di dalam dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, *National Policy on Industry 4.0* serta Pelan Strategik UiTM2025. FSK telah melaksanakan perancangan yang sistematik, relevan dan bersepadu dengan mengambil kira perkembangan teknologi terkini merangkumi Perancangan Strategik (Jangka Panjang - 2020-2025), Perancangan Taktikal (Jangka Pendek - tahunan) dan Perancangan Operasi (Jangka Pendek - tahunan). **Pelaksanaan:** Bagi melancarkan perancangan dan hala tuju penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, tadbir urus PJI FSK telah menggunakan tiga (3) pendekatan utama iaitu *People, Process dan Technology* dibawah *3 P's organizational performance dan Research Excellence Framework* dalam menjayakan tranformasi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan selari dengan hala tuju Universiti dan Pembangunan Malaysia. Kepimpinan PJI FSK sebagai satu medium pengantara antara staf dan barisan kepimpinan tertinggi FSK sentiasa melakukan komunikasi dua hala secara berkala melalui mesyuarat, pekeliling dan amanat dekan, laporan, buletin wacana FSK, surat, e-mel, papan kenyataan, majlis dialog, media sosial seperti laman sesawang FSK dan kumpulan WhatsApp Akademik bagi melaksanakan kesemua inisiatif perancangan strategik. Dalam usaha meningkatkan penerbitan dikalangan staff, FSK telah menghasilkan Elemen Inovasi dinamakan '*Research Powerhouse @FSK*' merangkumi proses pemantauan yang dinamakan '*Dashboard@FSK*' dan Inovasi proses penerbitan '*Journal in-house@FSK*'. Sistem ini menyediakan inisiatif penerbitan *in house* melalui penerbitan Jurnal 'Health Scope' serta penerbitan *special issue* melalui jurnal-jurnal berindeks. Pemantauan geran penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan melalui '*Dashboard@FSK*' menyokong kepada keperluan pembelajaran, penyelidikan, Inovasi dan pembangunan staff FSK.m **Pemantauan:** Kepimpinan FSK sentiasa mengamalkan sistem pemantauan yang berkala bagi memastikan pencapaian pelan strategik FSK. Berteraskan model *F.A.S.T@FSK*, proses pemantauan dijalankan melalui kerangka aliran *monitor@FSK* dengan memfokuskan kepada 3 kumpulan utama, iaitu 1)Fakulti, 2)Pusat pengajian dan 3)Individu/Staf. Tiga peringkat kumpulan di FSK iaitu Pengurusan FSK, Pusat Pengajian dan Staf terlibat secara langsung dalam proses pemantauan. Antara taktikal dan strategi pemantuan yang telah dilaksanakan ialah mesyuarat berkala di peringkat pengurusan dan Pusat Pengajian, dan lantikan jawatankuasa koordinator dibawah seliaan TDPJI. Selain itu, kepimpinan PJI menggunakan pendekatan *Plan, Do, Check, Action* (PDCA) bagi memastikan perlaksanaan strategi FSK dilaksanakan dengan berkesan. **Penambahbaikan:** Bidang tumpuan dibuat perancangan dengan teliti mengikut agenda Fakulti dan UiTM, diurus dan ditambahbaik melalui tindakan pembetulan, kajisemula atau digugurkan projek. Kepimpinan PJI FSK dapat mengenalpasti risiko dan mengelakkan kegagalan dengan memastikan pengawalan dan pemantauan secara sistematik dan penambahbaikan berterusan dan juga mengkaji semula peranan dan fungsi setiap 4 unit dibawah PJI secara berkala bagi mencapai matlamat yang dirancang.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Peranan FSK telah menjadi nadi penggerak dalam melaksanakan sistem pendidikan dalam bidang kesihatan yang disokong kearah kurikulum dinamik, tenaga kerja kompeten, beretika, komited dan berpengetahuan serta prasarana kondusif sejajar dengan perkembangan teknologi terkini.

Bagi memastikan matlamat ini tercapai, FSK telah membuat transformasi dalam pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan selari dengan merealisasikan tema strategik penyelidikan seperti yang termaktub di dalam dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, *National Policy on Industry 4.0* serta Pelan Strategik UiTM2025.

Bagi melancarkan perancangan dan hala tuju, Tadbir urus PJI FSK telah menggunakan **(3) tiga pendekatan utama iaitu *People, Process dan Technology*** (*Bukti 1.2.1*) dibawah *3 P's organizational performance* dan *Research Excellence Framework*.

1. Pendekatan *People*

Pemeriksaan kesemua 4 unit dibawah bahagian penyelidikan dan penjarangan industry (*Bukti 1.2.2*) telah menggerakkan dan melaksanakan program dan bengkel yang dirancang.

Antara kategori yang boleh dikenalpasti adalah:

- Pensyarah yang telah tamat PhD kurang 5 tahun
- Pensyarah yang berkhidmat 5 tahun

Menyasarkan pensyarah yang baru melapor diri untuk menghasilkan minimum 2 jurnal berindeks dibawah program FSK RISING STAR.

Menyasarkan pensyarah menghasilkan sekurang-kurangnya satu jurnal berindeks setahun dibawah program FSK HERO: *Satu pensyarah satu jurnal berindeks* yang dilaporkan pada pelaporan akhir PI.

Pemeriksaan kompetensi staf dilaksanakan melalui pengendalian penulisan, penerbitan, bengkel permohonan geran dalaman dan luaran.

2. Pendekatan *Process*

Proses mengerak dan mencapai inisiatif perancangan FSK adalah berasaskan model F.A.S.T@FSK (*Bukti 1.2.3*).

Perancangan penyediaan bajet tahunan yang komprehensif dititik beratkan di dalam perancangan strategik bagi memastikan proses projek-projek inisiatif FSK dapat dilaksanakan secara berkesan dan cemerlang.

FSK turut sama mengambil langkah pendekatan penjimatan dalam aspek kewangan selaras dengan Amanat Naib Canselor. Contohnya, bengkel penulisan dan *proofread* yang melibatkan Unit Penerbitan, Perundingan & Kecemerlangan, di mana ianya telah dilaksanakan secara *in-house*.

Dalam usaha meningkatkan penerbitan dikalangan staff, FSK telah menghasilkan Elemen Inovasi dinamakan '*Research Powerhouse @FSK*' merangkumi proses pemantauan yang dinamakan '*Dashboard@FSK*' dan Inovasi proses penerbitan '*Journal in-house@FSK*'. Sistem ini menyediakan inisiatif penerbitan *in house* melalui penerbitan Jurnal 'Health Scope' serta penerbitan *special issue* melalui jurnal-jurnal berindeks. Pemantauan geran penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan melalui '*Dashboard@FSK*' menyokong kepada keperluan pembelajaran, penyelidikan, Inovasi dan pembangunan staff FSK (*Bukti 1.2.4*).

Penubuhan '*Research Interest Group*' yang baru juga merupakan proses penting dalam memastikan inisiatif perancangan bidang tumpuan ini tercapai dengan cemerlang.

3. Pendekatan Technology

Proses kerja juga dikaji semula berdasarkan perspektif Industrial Revolution (IR 4.0) yang bertujuan memantapkan perkhidmatan 4 unit dibawah bahagian penyelidikan dan penjarangan industri. Data untuk setiap perincian dalam bidang penyelidikan Industri dikumpul dalam sistem proses 'Dashboard@FSK'.

Maklumat sumber ilmu dan maklumat secara digital akan diwarkn melalui medium aplikasi perisian Whatsapp, telegram dan juga didalam web kepada warga Fakulti (dalaman) dan luar Fakulti (Kebangsaan dan antarabangsa)

Pendekatan '*Research Powerhouse @FSK*', proses pemantauan '*Dashboard@FSK*' dan Inovasi proses penerbitan '*Journal in-house@FSK*' menghasilkan pencapaian FSK yang membanggakan (**Zero to Hero**).

Peningkatan MyRA **melonjak naik dari Star rating 3 (2020) ke star rating 5 (2021) dan Star rating 6 pada tahun 2021 dan 2022 (peningkatan peratusan 61.47% ke 63.61% pada 2022)** (Bukti 1.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_K01_KB02_20231_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.2.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB02_20232_FSKKEPIMPINAN_BUKTI 1.2.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB02_20233_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.2.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB02_20234_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.2.4.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB02_20235_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.2.5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Commits towards GRU2025 merupakan moto kepimpinan FSK dalam menerajui kecemerlangan penyelidikan FSK. Kepimpinan FSK sentiasa berusaha memastikan pencapaian halatuju Fakulti selari dengan aspirasi universiti dan kementerian. Oleh itu, FSK telah melaksanakan perancangan yang sistematik, relevan dan bersepadu dengan mengambil kira perkembangan teknologi terkini. Proses perluasan FSK yang penyelidikan, penulisan, geran penyelidikan, dan pengkomersilan berpandukan perancangan strategik iaitu:

1. Perancangan Strategik (Jangka Panjang - 2020-2025)
2. Perancangan Taktikal (Jangka Pendek - tahunan)
3. Perancangan Operasi (Jangka Pendek - tahunan)

Rujuk Bukti 1.3.1

Proses implementasi perancangan di atas diselaraskan mengikut tahap perluasan iaitu:

1. Dalaman: Fakulti
2. Nasional: Universiti, Industri dan Pemegang taruh
3. Antarabangsa: Universiti, Industri dan Pemegang taruh

Rujuk Bukti 1.3.2

Proses implementasi perlusasan FSK berasaskan model F.A.S.T@FSK iaitu 1)Frequently discussed, 2)Ambitious, 3)Transparent dan 4)Specific and Speed. Rujuk bukti 1.3.3 untuk penerangan FAST dalam perluasan kepimpinan FSK. Perancangan kepimpinan penerbitan dan geran penyelidikan diterangkan dalam bukti 1.3.4.1, 1.3.4.2 dan 1.3.4.3.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB03_20231_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.3.1 .pdf](#)
2. [F0042_K01_KB03_20232_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.3.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB03_20233_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.3.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB03_20234_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.3.4.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan FSK sentiasa mengamalkan sistem pemantauan yang berkala bagi memastikan pencapaian pelan strategik FSK. Berteraskan model *F.A.S.T@FSK* (bukti 1.4.1.1), proses pemantauan dijalankan melalui kerangka aliran *monitor@FSK* dengan memfokuskan kepada 3 kumpulan utama, iaitu 1)Fakulti, 2)Pusat pengajian dan 3)Individu/Staf. Tiga peringkat kumpulan di FSK iaitu Pengurusan FSK, Pusat Pengajian dan Staf terlibat secara langsung dalam proses pemantauan. Bukti 1.4.1.2 adalah kerangka *monitor@FSK*. Proses pemantauan ini sentiasa dijalankan secara berkala seperti dalam bukti 1.4.1.3. Antara taktikal dan strategi pemantuan yang telah dilaksanakan ialah mesyuarat berkala di peringkat pengurusan dan Pusat Pengajian, dan lantikan jawatankuasa koordinator dibawah seliaan TDPJI. FSK telah menjalankan mesyuarat-mesyuarat di peringkat pengurusan iaitu; 1)Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF), 2)Mesyuarat JKEPS, 3)Mesyuarat Tabung Amanah dan 4)Mesyuarat Penyelidikan (Bukti1.4.1.3:Jadual 1.4.1).

Bagi melancarkan proses ini, pihak pengurusan FSK sentiasa berhubung secara terus dengan Pusat Pengajian dan seterusnya staf secara individu. FSK menggunakan sepenuhnya sistem MyATP dan PRIME (*real-time monitoring*) bagi memastikan staf dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan penambahbaikan boleh dilakukan. Penggunaan sistem ini bukti kepada penggunaan Teknologi dalam kepimpinan FSK. Selain itu, pendekatan dua hala dan *top-down* juga dilaksanakan bagi memastikan segala perancangan dilaksanakan di peringkat Pusat Pengajian (Bukti 1.4.1.4).

Selain itu, kepimpinan FSK menggunakan pendekatan *Plan, Do, Check, Action* (PDCA) (Bukti 1.4.1.5) bagi memastikan pelaksanaan strategi FSK dilaksanakan dengan berkesan melalui mekasmisma dalam perlbagai bentuk iaitu mesyuarat, taklimat dan perbincangan diperingkat pengurusan dan Pusat Pengajian. Hasil daripada proses pemantauan ini dapat dilihat melalui peningkatan kepada 1)Skor MyRA, 2)penerbitan, 3)geran penyelidikan, 4)inovasi dan 5)program-program penyelidikan. Hasil keberkesanan pemantauan ini dinilai melalui skor myra, bilangan penerbitan, geran, inovasi dan penyelidikan ((Bukti 1.4.1.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_K01_KB04_KC01_20231_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB04_KC01_20232_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB04_KC01_20233_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB04_KC01_20234_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1.4.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB04_KC01_20235_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.1.5.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko adalah proses bagi mengenalpasti, menilai dan mengawal risiko serta merupakan salah satu ciri utama bagi sesebuah organisasi cemerlang. Organisasi perlu bertindak secara positif terhadap potensi risiko yang ada dan yang dijangka, disamping memahami dan berusaha untuk mengawal sebarang kebarangkalian berlakunya risiko yang mungkin menjejaskan penyampaian perkhidmatan.

Kepimpinan PJI memastikan bidang tumpuan dibuat perancangan dengan teliti mengikut agenda Fakulti, UiTM, kebangsaan dan global diurus dan dipantau melalui tindakan pembetulan, penambahbaikan, kajisemula atau digugurkan projek.

Kepimpinan PJI melaksanakan proses penganalisan risiko menggunakan model pengurusan risiko secara sistematik dan tersusun (Bukti 1.4.2.1) dengan mengambilkira aspek:

1. kelemahan dalam aspek latihan dan sistem kawalan sumber manusia;
2. proses kerja yang tidak lengkap;
3. kegagalan dalam mematuhi proses; dan
4. gangguan sistem secara dalaman atau luaran.

Proses penganalisaan dijalankan melalui kerangka aliran monitor@FSK dengan memfokuskan kepada 3 kumpulan utama, iaitu 1)Fakulti, 2)Pusat pengajian dan 3)Individu/Staf (Bukti 1.4.2.2). Penganalisaan yang sempurna menjamin insiden-insiden risiko dikenal pasti dan membolehkan tindakan diambil oleh Tadbir urus PJI untuk melaksanakan mitigasi dan kawalan.

Proses Analisa@FSK (Bukti 1.4.2.2):

1. Mengumpulkan data hasil penambahbaikan prestasi
2. Menilai data
3. Mengenalpasti kejayaan dan kelemahan
4. Menyemak analisis kelemahan
5. Mengambil Tindakan penambahbaikan

Melalui pemantauan sistem Dashboard@FSK, 3 jenis risiko telah dikenalpasti:

1. Perancangan Strategik (PS)- Risiko yang berkaitan dengan strategi atau polisi yang gagal atau silap;
2. Sumber Manusia (SM)- Risiko yang berkaitan memberi kesan yang mendalam kepada manusia dan,
3. Pengoperasian (Operasi)- Risiko yang berkaitan dengan kerja yang tidak dapat disiapkan pada masanya menjadi jenis kategori risiko yang dikenalpasti.

(Bukti 1.4.2.3)

Kepimpinan PJI memberi penekanan kepada operasi penggubalan, pelaksanaan dan penilaian strategi yang ditetapkan dalam memastikan perancangan yang dibuat tercapai (Bukti 1.4.2.4 dan Bukti 1.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB04_KC02_20231_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.4.2.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB04_KC02_20232_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.4.2.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB04_KC02_20233_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.4.2.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB04_KC02_20234_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.4.2.4.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB04_KC02_20235_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.4.2.5.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak PJI memainkan peranan penting dalam melaksanakan analisis melalui hasil tindakan penambahbaikan prestasi bagi memperkasa tahap MyRA fakulti. Seajar itu, PJI@FSK menggariskan 3 langkah iaitu:

1. Mempertingkatkan kuantiti dan kualiti penyelidik.
2. Menambahbaik kuantiti dan kualiti penyelidikan.
3. Memperbaiki kuantiti dan kualiti pascasiswazah.

Proses analisa melalui hasil tindakan penambahbaikan prestasi ini dapat dijelaskan dalam beberapa tahap berikut (Bukti 1.4.3.1):

1. Mengumpulkan data hasil penambahbaikan prestasi:

Tahap pertama dalam analisis adalah mengumpulkan semua data dan informasi yang berkaitan dengan tindakan penambahbaikan prestasi yang telah dijalankan bagi bidang tumpuan penyelidikan. Ini termasuk mengumpul laporan bilangan penerbitan, geran penyelidikan (permohonan dan jumlah dapatan) melalui DASHBOARD@FSK (Bukti 1.4.3.2)

2. Menilai data:

Kepimpinan PJI@FSK akan melakukan penilaian komprehensif terhadap data yang dikumpulkan. Penilaian tren dan perubahan, dari tindakan penambahbaikan yang telah diambil (Bukti 1.4.3.3).

3. Mengenalpasti kejayaan dan kelemahan:

Kepimpinan PJI FSK mengenalpasti kejayaan yang telah dicapai sebagai hasil dari tindakan penambahbaikan prestasi. Ini merangkumi menilai KPI yang telah mencapai sasaran yang ditetapkan dan peningkatan skor Myra FSK. Kelemahan prestasi di mana tindakan penambahbaikan tidak mencapai hasil yang diharapkan dinilai melalui PDCA@FSK (Bukti 1.4.3.4).

4. Menyemak analisis kelemahan:

Untuk memahami mengapa tindakan penambahbaikan berfungsi atau tidak berfungsi, Kepimpinan PJI@FSK melakukan semakan analisis melalui laporan audit dan pemantauan dan kawalan peraksanaan.

5. Mengambil tindakan penambahbaikan:

Berdasarkan analisis PJI@FSK telah memberi insentif dan dana khas bagi meningkatkan motivasi para staf akademik fakulti dalam penerbitan. Bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan insiatif seperti program Rising Star@FSK, mengadakan bengkel dan ceramah untuk menggilap kemahiran dalam menggerakkan aktiviti penyelidikan. Selain itu PJI FSK menganjurkan bengkel 'hands on' penulisan proposal serta sesi perkongsian khas bersama penyelidik yang pernah memperoleh geran daripada pihak industri dan antarabangsa (Bukti 1.4.3.5).

Penambahbaikan ini telah dilihat dari segi pencapaian MyRA, PI, penerbitan, penyelidikan dan jumlah geran dan dimaklumkan kepada semua staf FSK (Bukti 1.4.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB04_KC03_20231_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB04_KC03_20232_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB04_KC03_20233_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB04_KC03_20234_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI_1.4.3.4.pdf](#)

5. [F0042_K01_KB04_KC03_20235_FSK KEPIMPINAN_BUKTI 1.4.3.5.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan PTJ membudayakan objektif dan strategi organisasi yang telah dirancang iaitu terhadap bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan adalah selaras dengan agenda universiti *commit toward GRU2025*. Kepimpinan kanan menggerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang dirancang bagi bagi bidang tumpuan adalah dengan meghebahkan strategik melalui ADLI iaitu pendekatan (*approach*), perluasan (*deployment*, pembelajaran (*learning*) dan integrasi (*integration*) (Bukti 1.5.1).

Berdasarkan ADLI, fasa pendekatan melibatkan merancang strategi dan pendekatan yang tepat untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang ditetapkan melalui *F.A.S.T @FSK*. Fasa perluasan melibatkan mencari peluang untuk meluaskan cakupan penyelidikan ke bidang baru, menerbitkan dalam jurnal ternama dengan pembaca yang lebih luas, atau memperluas pasaran dan jangkauan pengkomersilan produk atau hasil penyelidikan. Fasa pembelajaran melibatkan menerapkan elemen pembelajaran berterusan dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan. Ia melibatkan mengevaluasi hasil penyelidikan dan penerbitan, mengambil pengajaran dari pengalaman sebelumnya, dan menggunakan maklum balas untuk meningkatkan prestasi. Integrasi melibatkan koordinasi antara pasukan penyelidik, penerbitan, dan pengkomersilan untuk memastikan penyelidikan dihasilkan secara efisien, diterbitkan dengan baik, dan dipasarkan secara berkesan.

Pendekatan utama perancangan inisiatif strategik organisasi dan hala tuju penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan, tadbir urus PJI FSK telah menggunakan tiga (3) pendekatan utama iaitu *People, Process* dan *Technology*. Seajar dengan itu, FSK moto adalah “Commit Towards GRU 2025” selaras dengan hala tuju UiTM (Bukti 1.5.2).

Inisiatif yang diambil oleh pihak PJI bagi pemantauan dan penilaian dilaksanakan melalui *DASHBOARD@FSK*. Aktiviti penulisan dipantau melalui bilangan penulis dan bilangan penerbitan (Bukti 1.5.3). Bagi geran penyelidikan akan dipantau dan dinilai melalui bilangan sasaran, bilangan permohonan dan jumlah dapatan geran. Pemantauan bagi aktiviti pengkomersialan dinilai melalui bilangan inovasi dan perkhidmatan klinikal dimana pematauanpemantauan dilihat dari segi perkhidmatan klinikal yang ditawarkan dan pendapatan dari perkidmatan. Hasil pencapaian ini diwar-warkan melalui pelbagai media untuk tujuan visibiliti FSK di peringkat Universiti, Nasional dan Antarabangsa/Global (Bukti 1.5.4).

Melalui tindakan-tindakan yang dinyatakan, pencapaian FSK dibawah pejabat penyelidikan dan industri menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dan hampir kesemua performance indicator (PI) telah dicapai (Bukti 1.5.5). Selain itu hasil daripada persefahaman dan kolaborasi yang baik bersama kepimpinan fakulti telah melonjakkan fakulti ke tahap yang lebih baik daripada tahun demi tahun melalui penilaian MyRA (Malaysia Research Assessment).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_K01_KB05_20231_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.5.1.pdf](#)
2. [F0042_K01_KB05_20232_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.5.2.pdf](#)
3. [F0042_K01_KB05_20233_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.5.3.pdf](#)
4. [F0042_K01_KB05_20234_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.5.4.pdf](#)
5. [F0042_K01_KB05_20235_FSK_KEPIMPINAN_BUKTI 1.5.5.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan strategik merupakan satu wahana pengurusan yang amat penting di dalam menentukan hala tuju strategik organisasi. Perancangan Strategik yang dirangka bagi tempoh lima tahun adalah elemen kritikal yang akan menjadi blueprint yang memungkinkan penghasilan pelan pengurusan yang lain seperti Pelan Strategik Jangka Pendek yang terdiri daripada Pelan Taktikal dan Operasi. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan FSK berjaya mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan, pihak pengurusan telah memperkenalkan pendekatan baru di dalam mengubal Perancangan Strategik FSK. Pendekatan yang dinamakan sebagai [F.A.S.T.@FSK](#) merupakan respon strategik kepada amanat Naib Canselor dan langkah merealisasikan keazaman kepimpinan FSK iaitu '*Commits towards GRU2025*'.

Perancangan: Pelan Strategik FSK digarap daripada agenda negara (National Policy on Industry 4.0 dan Global Goals for Sustainable Development), Kementerian Pendidikan Malaysia (Malaysian Education Blueprint 2015-2025), UiTM (Pelan Strategik UiTM 2025 dan KPI BTU) dan FSK sendiri (Dokumen Perancangan Strategik FSK 2020-2025 serta Objektif Kualiti FSK 2020-2025). Dengan mengambil aspirasi daripada pendekatan F.A.S.T.@FSK tadi, Perancangan Strategik FSK dihasilkan melalui perbincangan dan pemuafakatan yang dilakukan di dalam Bengkel Perancangan Strategik FSK 2022 yang melibatkan Pengurusan Tertinggi, Ketua Pusat Pengajian, Ketua Unit dan Penyelaras-penyelaras yang dilantik selaku peneraju di FSK. Setelah diteliti dan dibincangkan secara mendalam, beberapa rangka tindakan telah diputuskan bagi mencapai objektif strategik FSK. Turut diperincikan adalah bagaimana objektif-objektif strategik dan rangka tindakan yang dipilih dapat dilaksanakan disamping dapat diukur prestasinya. Pada tahun 2022, bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), FSK yang diterajui oleh Timbalan Dekan PJI telah merangka pelbagai perancangan dan strategi bagi memastikan kecemerlangan FSK di dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. **Pelaksanaan:** Agenda meningkatkan perolehan geran, peningkatan keterlibatan pensyarah serta menggiatkan aktiviti pengkomersialan menjadi tiga fokus utama yang diketengahkan oleh bahagian PJI. Di antara inisiatif baru yang telah dicadangkan bagi menyokong pencapaian agenda PJI adalah pelantikan Koordinator Geran dan Koordinator Penerbitan serta pembudayaan penyebaran maklumat menggunakan media masa. Selain itu, bagi memungkinkan lagi aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, FSK telah mewujudkan beberapa RIG baru, menstrukturkan semula Jawatankuasa Penyelidikan FSK, dan melaksanakan pemantauan berkala yang dimudahcarakan dengan penggunaan *Dashboard@FSK*. Di dalam fasa pelaksanaan, pihak PJI telah melakukan siri *roadshow* ke setiap Pusat Pengajian sebagai usaha memastikan komunikasi berterusan dapat dilakukan selain daripada melalui mesyuarat, email dan media sosial. Jangkamasa pelaksanaan amat ditekankan bagi memastikan objektif dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. **Pemantauan:** Mesyuarat berkala diadakan di peringkat pengurusan tertinggi dan setiap pusat pengajian bagi memantau kemajuan strategi dan menilai pencapaian bagi setiap sukuan tahun. **Penambahbaikan:** Maklum balas dan hasil pemantauan dikongsikan kepada semua pihak untuk membolehkan tindakan penambahbaikan dapat dilakukan terhadap sebarang isu atau cabaran dengan segera berdasarkan maklum balas yang diterima. Pengurusan risiko turut dilakukan untuk mengenalpasti, mengawal dan meminimalkan risiko yang berkemungkinan menjadi penghalang kepada pencapaian perancangan strategik. Secara kesimpulannya, FSK telah menetapkan asas yang kukuh untuk mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan dan penerbitan; pemerolehan geran dan pengkomersialan sehingga berjaya mewujudkan budaya kecemerlangan dalam penerbitan, pemerolehan geran dan pengkomersialan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSK telah menyediakan perancangan strategik bagi tahun 2022 dengan menggarap agenda Universiti, Kementerian Pendidikan Malaysia dan negara disamping mengambil kira cabaran globalisasi dan revolusi digital masa kini. Perancangan rapi telah dilaksanakan dengan melibatkan Pengurusan Kanan FSK, Ketua Pusat Pengajian, Ketua Unit dan penyelaras-penyelaras portfolio di bawah peneraju penting seperti OIA, MASMED, LATIH, ICAN dan lain-lainnya. Ianya dilaksanakan semasa Bengkel Perancangan Strategik 2022 yang dimulai dengan pembentangan hasil analisa SWOT bagi mengenalpasti jurang pencapaian bagi tahun 2021 (Bukti 2.2.1). Berdasarkan hasil daripada analisa jurang dan SWOT yang dibentangkan, didapati di antara faktor utama yang perlu diberi tumpuan adalah kekurangan geran dan aktiviti pengkomersialan serta penglibatan yang tidak sepenuhnya oleh pensyarah yang merupakan denominator bagi bidang tumpuan ini.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan objektif dan inisiatif yang dirancang dapat direalisasikan dengan jayanya disamping memenuhi kehendak Universiti dan negara, FSK telah mengkaji semula perancangan strategik jangka panjang yang telah disediakan bagi tempoh lima tahun bermula pada tahun 2020 sehingga tahun 2025 bagi memastikan ia kekal relevan dan berdaya saing sepertimana yang dirumuskan oleh Jadual 2.2.2a (Bukti 2.2.2). Pada tahun 2022, FSK telah mengambil pendekatan untuk mengekalkan agenda utamanya iaitu:

- **meningkatkan perolehan geran**
- **meningkatkan keterlibatan pensyarah**
- **mengiatkan aktiviti pengkomersialan**

Walaubagaimana pun, sebagai tambahan kepada inisiatif sedia ada, FSK telah menasaskan untuk mewujudkan dua jawatan baru iaitu Koordinator Penerbitan dan Koordinator Geran (Bukti 2.2.3). bagi menyediakan perkhidmatan PJI yang lebih mantap. Dengan mengambil aspirasi *Speed and Specific*, FSK juga telah menasaskan penyampaian dan penyebarluasan maklumat yang lebih pantas dan meluas melalui penggunaan laman sesawang dan media sosial.

Sementara bagi memenuhi misi mencapai KPI FSK yang ditetapkan oleh pihak BTU UiTM, FSK telah menyediakan pelan perancangan jangka pendek bagi tempoh satu tahun; Perancangan Strategik FSK 2022. Perancangan jangka pendek ini bersifat lebih khusus dan bertujuan untuk memberi halatuju yang jelas. Mengunapakai kerangka PDCA@FSK dan menjadikan Perancangan Strategik FSK 2020-2025 sebagai dasar dan mengabungkan konsep *FAST* serta *People, Process and Technology*, FSK telah melahirkan Perancangan Taktikal dan Operasi sepertimana yang dipaparkan oleh Jadual 2.2.2a. *Research Powerhouse@FSK* diwujudkan bagi merancang dan merencanakan aktiviti penyelidikan di kalangan pensyarah FSK melalui penubuhan RIG baru manakala bagi meningkatkan keterlibatan pensyarah di dalam aktiviti penulisan, FSK telah berkolaborasi bersama jurnal MJMHS di dalam menerbitkan dua *Special Issues* pada tahun 2022. Bagi mempercepatkan urusan permohonan kelulusan etika penyelidikan, FSK telah menstruktur semula Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (Bukti 2.2.4). Selain itu, sokongan kewangan yang kukuh amat diperlukan bagi menyokong aktiviti penyelidikan fakulti. Menyedari hakikat ini, FSK telah meningkatkan usaha bagi memperkenalkan dan menyebarluaskan di kalangan masyarakat setempat tentang perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Fisioterapi, Pemulihan Karakterja, Pengimejan Perubatan, Optometri dan Diet. Bagi memastikan Perancangan Strategik dilaksanakan seperti yang dirancang, siri perbincangan dan pemantauan (F: *frequently discussed*) dilaksanakan secara telus (T: *transparent*) yang melibatkan penyampaian laporan dari bawah ke atas (pensyarah kepada KPP kepada Pengurusan Tertinggi/ Peneraju) melalui Dashboard@FSK dilaksanakan secara berkala (Bukti 2.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_P01_PB02_20231_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.2.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB02_20232_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.2.2.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB02_20233_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.2.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB02_20234_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.2.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB02_20235_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam merangka perancangan yang baik, ia perlu didasari dengan halatuju semua pihak yang berkepentingan yang memberi fokus kepada aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Sehubungan dengan itu, Perancangan Strategik yang dilaksanakan oleh FSK telah mengambil kira dan **mengintegrasikan dasar dan perancangan nasional, universiti dan fakulti serta trend global** meliputi aspirasi berikut (Bukti 2.3.1):

FSK

- Perancangan Strategik FSK 2020-2025
- Objektif Kualiti FSK 2020-2025

UiTM

- Pelan Strategik UiTM 2025
- KPI BTU 2022

Nasional

- Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)
- Malaysian Education Blueprint 2015-2025
- National Policy on Industry 4.0
- Global Goals for Sustainable Development

Selaras dengan hasrat UiTM untuk muncul sebagai platform penyelidikan bertaraf dunia dan dengan berpegang kepada pendekatan *Ambitious*, hala tuju pelan Perancangan Strategik bahagian PJI FSK telah diolah agar mensasarkan pencapaian penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi serta usaha sama yang erat dengan pihak industri. Bagi memastikan hasrat ini difahami dan dihayati oleh setiap warga FSK, ianya diperturunkan kepada kumpulan pengurusan yang terdiri daripada Ketua Pusat Pengajian dan Ketua Unit (Penolong Pendaftar Kanan, Timbalan Pegawai Sains, Ketua Unit Kualiti dan Ketua Unit IT) melalui **Mesyuarat Pengurusan Fakulti** (2.3.2). Seterusnya menjadi tanggungjawab kumpulan pengurusan untuk menyebarkan objektif dan inisiatif tersebut kepada kumpulan pelaksana melalui **mesyuarat Pusat Pengajian** (Bukti 2.3.3).

Disamping itu, TDPJI dan kumpulan penyelarasnya telah mengadakan sesi **jerayawara** (*road show*) ke pusat-pusat pengajian bagi memberi penerangan mengenai hala tuju bahagian PJI bagi tahun 2022 serta inisiatif dan aktiviti yang akan dilaksanakan (Bukti 2.3.4). Selaras dengan aspirasi negara dan UiTM yang menggalakkan transformasi digital, hebahan turut dilakukan melalui **media sosial** seperti whatsapp dan facebook rasmi FSK sebagaimana yang digariskan di dalam Perancangan Strategik FSK. Selain daripada penurunan maklumat kepada warga FSK, objektif Perancangan Strategik FSK turut disebar luaskan kepada umum yang terdiri daripada pemegang taruh, masyarakat setempat dan dunia, secara tidak langsung di dalam aktiviti kolaborasi dan diskusi academia seperti melalui pemertian MOU/ MOA dan kemunculan di media elektronik dan bercetak.

Proses-proses penyebaran maklumat ini sebagaimana yang dirumuskan di dalam Rajah 2.3.1 (Bukti 2.3.5) amat penting agar aspirasi serta semangat yang diharapkan oleh Pihak Pengurusan dapat dihayati oleh warga FSK. Ia juga bagi memastikan setiap pensyarah merasakan bertanggungjawab untuk menyumbang kearah pencapaian objektif strategik bahagian penyelidikan. Manakala penyampaian maklumat yang bersifat *Specific and Speed* pula amat penting bagi memungkinkan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSK.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB03_20231_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.3.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB03_20232_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.3.2.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB03_20233_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.3.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB03_20234_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.3.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB03_20235_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memperkemas gerak kerja ke arah mencapai objektif strategik PJI, FSK telah melaksanakan beberapa proses pemantauan yang dilaksanakan selaras dengan waktu pelaporan oleh Penyelaras BTU FSK iaitu di setiap sukuan tahun. Pemantauan juga dilakukan bagi memastikan penglibatan pensyarah adalah secara menyeluruh. Ianya dilakukan pada penghujung setiap tiga bulan dengan melibatkan semua warga akademik FSK melalui penggunaan sistem **Dashboard@FSK**. Proses pemantauan dilaksanakan di dalam beberapa peringkat sebagaimana ditunjukkan di dalam Bukti 2.4.1.

Proses pemantauan yang diamalkan oleh FSK telah berjaya melibatkan kesemua pensyarah melalui kaedah berikut:

Peringkat Pusat Pengajian

sebarang pencapaian, kegagalan dan pemasalahan yang dihadapi oleh pensyarah akan dilaporkan dan dibincangkan di dalam **mesyuarat Pusat Pengajian** atau Jabatan. Maklumat akan dimuatnaik ke dalam sistem FSKDashboard (Bukti 2.4.2).

Peringkat Pengurusan

Berdasarkan maklumat yang disalurkan melalui Dashboard@FSK, TDPJI akan membentangkan pencapaian setiap Pusat Pengajian atau bahagian untuk dibincangkan dan ditambahbaik (Bukti 2.4.3).

Peringkat Pengurusan Tertinggi

Selanjutnya hasil analisa pencapaian dibincangkan di dalam mesyuarat pengurusan eksekutif (MPE).

Setelah diluluskan, laporan tersebut akan disebar luaskan di kalangan warga kerja supaya dapat menjadi pembakar semangat agar terus maju di dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Kejayaan yang dilakar oleh warga FSK dihebahkan melalui **facebook rasmi FSK dan kumpulan whatsapp Akademik FSK** (Bukti 2.4.4). Pelaporan berkaitan pencapaian objektif strategik 2022 turut dibentangkan oleh setiap KPP dan Timbalan Dekan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan yang diadakan di pada tahun 2023.

Selain dari pemantauan yang dilaksanakan di setiap sukuan tahun, pada bulan September 2022 satu bengkel yang dipanggil **Bengkel Pecutan** telah dilaksanakan bagi mengenalpasti kesemua objektif dan PI, termasuk yang berada dibawah bahagian PJI yang belum tercapai (Bukti 2.4.5). Bengkel ini melibatkan kesemua ahli pengurusan termasuk peneraju yang bertanggungjawab menjaga PI yang telah ditetapkan oleh pihak BTU. Hasil daripada bengkel tersebut adalah:

- penetapan sasaran peratusan pencapaian PI keseluruhan yang ingin dicapai oleh FSK
- merancang tindakan segera yang perlu dilakukan bagi mencapai target yang telah ditetapkan di awal tahun bagi PI yang belum dicapai.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_P01_PB04_PC01_20231_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.1.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB04_PC01_20232_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.1.2.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB04_PC01_20233_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.1.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB04_PC01_20234_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.1.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB04_PC01_20235_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.1.5.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko merupakan konsep yang menggambarkan kebarangkalian berlakunya kemungkinan tertentu atau sebagai kesan ketidakpastian pada matlamat yang ingin dicapai, sama ada positif atau negatif. Manakala pengurusan risiko adalah gabungan proses mengenal pasti, menilai, dan mengatur kepentingan risiko diikuti oleh penggunaan sumber secara teratur dan ekonomi bagi mengurangkan, memantau dan mengawal kemungkinan dan/atau kesan peristiwa tidak diingini atau bagi memaksimumkan penzahiran peluang.

Di FSK, **pengurusan risiko** dimulakan dengan mengenalpasti risiko yang bakal dihadapi melalui **analisa jurang** dan **analisa SWOT** yang dilaksanakan semasa Bengkel Perancangan Strategik FSK (Bukti 2.4.2.1).

Seterusnya risiko yang dikenalpasti dianalisa dari segi **punca risiko** dan dikategorikan mengikut tahap tinggi, sederhana dan rendah (Bukti 2.4.2.2). Seterusnya, **pelan mitigasi** dirancang dan dilaksanakan untuk memastikan strategi bagi mencapai kecemerlangan di dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat dicapai.

Hasil daripada analisa yang dilaksanakan di dapati di antara risiko yang dihadapi adalah seperti berikut:

1. jumlah penerbitan tidak mencapai tahap yang disasarkan
2. jumlah geran terkumpul tidak mencecah nilai yang disasarkan
3. penyelidikan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan
4. plagiarism di kalangan pensyarah dan pelajar

Bagi mengekang dari terjadinya risiko yang dinyatakan, beberapa **tindakan mitigasi** telah dilaksanakan oleh pihak PJI dengan bantuan bahagian Hal Ehwal Akademik dan Unit Integriti FSK (Bukti 2.4.2.3).

Kaedah **pengawalan risiko** dilakukan dengan bimbingan dan pemantauan serta pelaporan berkala daripada KPP, bahagian PJI, mentor serta unit integrasi. Data pengurusan risiko ini oleh dibentangkan oleh Penyelaras Risiko di dalam mesyuarat MPE bagi tujuan pengesahan sebelum didaftarkan di dalam **Daftar Risiko** FSK (Bukti 2.4.2.4).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB04_PC02_20231_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.2.1.docx.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB04_PC02_20232_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.2.2.docx.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB04_PC02_20233_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.2.3.docx.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB04_PC02_20234_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI_2.4.2.4.docx.pdf](#)
- 5.

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan kecemerlangan terhadap bidang tumpuan sentiasa dapat dijana dengan baik, fakulti telah merancang dan melaksanakan tindakan penambahbaikan untuk memperkasa tahap penyelidikan di FSK.

Melalui **analisa** yang telah dilakukan, didapati punca kekurangan di dalam jumlah geran yang diterima oleh pensyarah FSK adalah disebabkan oleh bidang penyelidikan yang ingin dikaji tidak menepati kehendak semasa, kurang kemahiran dalam penulisan geran serta pensyarah baru yang tiada pengalaman. Sehubungan dengan itu, **tindakan penambahbaikan** dilaksanakan dengan mengadakan **sesi perkongsian** bersama pensyarah FSK yang berjaya mendapatkan geran telah dianjurkan (Bukti 2.4.3.1). Selain itu, **pemakluman** mengenai permohonan geran serta penerbitan yang berkaitan dilakukan secara berkala menggunakan medium sebaran komuniti whatsapp pensyarah FSK bagi membolehkan pensyarah melakukan persediaan awal.

Untuk membantu pensyarah yang baru atau kurang berpengalaman, bahagian PJI telah meletakkan mereka di bawah beberapa orang mentor yang terdiri daripada pensyarah yang berjaya di dalam penerbitan di dalam program yang dipanggil **Monitor Force Execute (MEE)** dan **Rising Star** FSK (Bukti 2.4.3.2). Kerjasama dan sokongan di dalam kumpulan **mentor-mentee** ini dalam memberi bimbingan, tunjuk ajar dan pemantauan pensyarah baru telah berjaya membuahkan hasil. Penubuhan kumpulan ini telah menggalakkan pensyarah yang baru untuk mula berjinak dengan bidang penyelidikan dan penulisan.

Selain itu, bagi meningkatkan motivasi para pensyarah, FSK telah menawarkan pemberian **insentif dan dana khas** bagi menampung keperluan kewangan bagi tujuan penerbitan dan menghadiri konferensi (Bukti 2.4.3.3). Langkah ini didapati telah membantu meningkatkan bilangan penerbitan.

Untuk meningkatkan penglibatan pensyarah FSK dalam bidang pengkomersialan melalui **pertandingan inovasi**, pihak fakulti telah menganjurkan International Innovation, Invention and Creation Exhibition (IIICE) 2022 (Bukti 2.4.3.4). Penganjuran pertandingan ini memberi peluang kepada pensyarah baru khususnya untuk menceburkan diri dalam bidang inovasi.

Disamping itu, proses penambahbaikan terhadap bidang tumpuan ini dapat direalisasikan apabila wujudnya **pemantauan yang berterusan** (Bukti 2.4.3.5). Pemantauan secara berkala amat penting bagi memastikan punca kegagalan sesuatu strategi dapat dikenalpasti dan langkah pembetulan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB04_PC03_20231_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.3.1.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB04_PC03_20232_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.3.2.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB04_PC03_20233_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.3.3.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB04_PC03_20234_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.3.4.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB04_PC03_20235_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.4.3.5.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kecemerlangan yang terserlah pastinya akan terzhahir dengan kerjasama berpasukan merangkumi seluruh warga FSK samada pensyarah atau staf bukan akademik. Begitu juga, tanpa dokongan dan sokongan daripada barisan kepimpinan tertinggi fakulti, pasti mustahil untuk fakulti mengorak langkah menuju ke satu matlamat yang lebih gemilang. Atas hasrat yang murni itulah, barisan peneraju tertinggi fakulti dan juga staf akademik sentiasa berganding bahu bagi meningkatkan pencapaian fakulti khususnya terhadap bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan ini.

Hasil daripada persefahaman dan kolaborasi yang baik antara ahli pasukan telah membudayakan penambahbaikan kecemerlangan apabila berjaya melonjakkan fakulti ke tahap yang lebih baik tahun demi tahun melalui penilaian MyRA (Malaysia Research Assessment) (Bukti 2.5.1). Peningkatan **MyRA** melonjak naik dari Star rating 3 (2020) ke star rating 5 (2021) dan **Star rating 6** pada tahun 2021 dan 2022 (peningkatan peratusan 61.47% ke 63.61% pada 2022).

lanya disokong oleh beberapa pembaharuan di dalam gerak kerja yang dilaksanakan melalui **Journal in House@FSK** iaitu platform penerbitan **MJMHS** (Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences (MJMHS) dan **Healthscope** (Bukti 2.5.2). MJMHS telah menjadi platform penting untuk mempromosikan penyelidikan dan penerbitan berkualiti tinggi. Healthscope, sebagai platform atau inisiatif lain yang diperkenalkan, telah memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa hasil penyelidikan dan penerbitan dapat dikongsi dengan komuniti yang lebih luas, termasuk industri dan masyarakat umum. Melalui integrasi MJMHS dan Healthscope, FSK telah berjaya meningkatkan visibiliti dan impak penyelidikan yang dijalankan oleh pensyarahnya.

Integrasi **inovasi** dan pengkomersialan dibuktikan dengan kejayaan mendapatkan **pingat** emas, perak dan gangsa dalam **pertandingan inovasi** anjuran pelbagai pihak seluruh negara, termasuklah IIICE anjuran FSK sendiri (2.5.3). IIICE telah menjadi platform penting untuk mempromosikan inovasi dan keusahawanan di kalangan pensyarah dan pelajar, bukan sahaja di kalangan warga FSK tetapi juga di kalangan warga akademik di seluruh negara. Melalui integrasi ini, FSK telah berjaya mencipta budaya inovasi dan keusahawanan yang kukuh di kalanganarganya.

Integrasi pemantauan yang bersistematik dan berstrategik oleh pihak PJI dibuktikan melalui **DASHBOARD@FSK**. Aktiviti penulisan dipantau melalui bilangan penulis dan bilangan penerbitan, dan geran penyelidikan dipantau dan dinilai melalui bilangan sasaran, bilangan permohonan dan jumlah dapatan geran (Bukti 2.5.4). Pemantauan bagi aktiviti pengkomersialan dinilai melalui bilangan inovasi dan perkhidmatan klinikal dimana pemantauan dilihat dari segi perkhidmatan klinikal yang ditawarkan dan pendapatan dari perkhidmatan. Hasil pencapaian ini diwar-warkan melalui pelbagai media untuk tujuan **visibiliti** FSK di peringkat Universiti, Kebangsaan dan Global (Bukti 2.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_P01_PB05_20231_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.5.1.docx.pdf](#)
2. [F0042_P01_PB05_20232_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.5.2.docx.pdf](#)
3. [F0042_P01_PB05_20233_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.5.3.docx.pdf](#)
4. [F0042_P01_PB05_20234_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.5.4.docx.pdf](#)
5. [F0042_P01_PB05_20235_FSK_PERANCANGAN STRATEGIK_BUKTI 2.5.5.docx.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Aspirasi FSK adalah untuk memacu kecemerlangan FSK dan meningkatkan penglibatan dalam bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Tumpuan kepada pelanggan penting untuk memastikan strategi dan pelaksanaan berjalan lancar dengan peranan yang dimainkan oleh pelanggan.

Perancangan: Bagi memastikan hasrat ini tercapai, tumpuan pelanggan utama telah dikenalpasti kepada pelanggan dalaman; merangkumi pensyarah, staf bukan akademik serta pelajar pascasiswazah, dan pelanggan luaran; merangkumi rakan kolaborasi seperti industri, universiti dan komuniti atau orang awam. Setiap pensyarah, pelajar, staf bukan akademik dan rakan kolaborasi telah dikenalpasti dengan penetapan KPI melalui Pelan Tindakan Strategik (SAP) FSK.

Pelaksanaan: Dashboard @ FSK merupakan satu medium bagi pengumpulan, pengenalan dan penyimpanan data kumpulan sasaran bagi tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di FSK. Bagi bidang tumpuan penyelidikan, inisiatif 1 Geran 1 Pusat Pengajian telah menyasarkan pensyarah yang berpotensi dan kerjasama persefahaman (MOU/MOA) dengan industri dan universiti yang berpotensi. Bengkel penulisan, inisiatif Bank Proposal PRGS dan FRGS, dan lantikan pemeriksa dalaman bagi pemurnian kertas kerja geran telah meningkatkan hasil perolehan geran dan direkodkan di Dashboard @ FSK. Bagi bidang tumpuan penerbitan, inisiatif 1 Pensyarah 1 Jurnal Berindeks menyasarkan penerbitan minimum tahunan staf akademik UiTM mengikut trek utama dan kategori penyelidik berdasarkan gred jawatan. Bengkel Penulisan, inisiatif Journal in House @ FSK, dan Jom ke Konferens Berindeks telah meningkatkan bilangan penerbitan berindeks di kalangan pensyarah FSK. Manakala bagi tumpuan pengkomersilan, hasil inovasi dipertandingkan dalam pertandingan inovasi yang dibiayai oleh FSK menunjukkan penglibatan pensyarah dan pelajar yang menggalakkan. Pengkomersilan Pusat Perkhidmatan Kesihatan FSK melalui penawaran perkhidmatan sub-kepakaran juga menunjukkan rekod pendaftaran orang awam yang meningkat dan diselua oleh pengurusan klinik masing-masing.

Pemantauan: Pemantauan berterusan secara sistematik dilaksanakan bagi memastikan penghasilan penyelidikan berlangsung mengikut masa yang ditetapkan. Pihak pengurusan menyediakan pelbagai bantuan dan insentif dalam memastikan proses penerbitan dan penyelidikan berlangsung dengan jayanya. Kewujudan bantuan dana pembiayaan penyertaan konferens membantu pensyarah dalam menyertai sesuatu konferens. Selain itu, insentif penerbitan bagi setiap penerbitan yang dihasilkan meningkatkan motivasi pensyarah dalam menghasilkan penerbitan bermutu tinggi. Pengiktirafan kepada pensyarah yang terlibat juga diadakan melalui Majlis Amugerah Kualiti. Segala risiko yang boleh menjejaskan pencapaian maklumbalas pelanggan telah dikenalpasti dan diberikan langkah pencegahan.

Penambahbaikan: Penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan maklumbalas yang diterima. Kewujudan platform seperti peti cadangan/aduan dan borang kaji selidik atas talian memudahkan pengumpulan maklumbalas yang diperlukan. Pengendalian pengurusan maklumbalas dan aduan dilakukan berdasarkan carta alir pengurusan maklumbalas dan aduan pelanggan. Ini dapat memastikan setiap maklumbalas dan aduan yang diterima dikendalikan secara sistematik. Hasil daripada maklumbalas telah menginovasikan perkhidmatan klinikal yang lebih meluas seperti perkhidmatan temujanji yang lebih efisien, dan perkhidmatan bas optometri bergerak. Penginovasian Dashboard @FSK juga bukan sahaja dapat mengumpul dan mengenalpasti pensyarah dan hasil 3P, malahan dapat mengenalpasti tren jurnal dan rakan kolaborasi yang berpotensi untuk meningkatkan penghasilan 3P.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan utama bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan telah dikategorikan kepada pelanggan dalaman dan luaran. **Pelanggan dalaman** FSK terdiri daripada pensyarah, staf pentadbiran, dan pelajar pascasiswazah. Manakala **pelanggan luaran** FSK terdiri daripada rakan industri luar dan dalam negara, rakan universiti luar dan dalam negara, dan komuniti atau orang awam (Bukti 3.2.1).

Pensyarah merupakan pelanggan dalaman utama dalam menggerakkan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Di FSK, seramai 1 orang pensyarah bergred jawatan DM41, 26 orang bergred DM45-DM46, 87 orang bergred DM51-DM52, 9 orang bergred DM53-DM54, dan 2 orang bergred VK7 dari sembilan pusat pengajian (Bukti 3.2.2). **Staf pentadbiran** seperti pegawai eksekutif kanan, penolong pendaftar kanan, pegawai sains, pegawai skim U di FSK pula membantu dalam melicinkan tadbir urus operasi serta terlibat secara tidak langsung dalam penjana pendapatan bagi menampung aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan perkhidmatan. Manakala, terdapat seramai 247 orang **pelajar pascasiswazah** aktif dan 113 pelajar pascasiswazah yang baru mendaftar pada tahun 2022 telah membudayakan aktiviti penyelidikan di FSK (Bukti 3.2.3).

Bagi pelanggan luaran, kolaborasi dengan **rakan industri** dari sektor awam dan swasta melalui perjanjian persefahaman telah berjaya mewujudkan perkongsian kepakaran untuk manfaat semua. Pada tahun 2022, sebanyak 12 perjanjian persefahaman (MOU/MOA) direkodkan di antara FSK dan institusi luar seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Entomal Biotech, Aero Healthcare Services, Kizzu Holdings, Formedic Technologies dan lain-lain lagi; telah memberikan manfaat kepada pelanggan dalaman melalui kerjasama projek penyelidikan, *bridging program* dan projek komuniti (Bukti 3.2.4).

Selain itu, usaha sama dengan **rakan universiti** juga telah berjaya membuka peluang yang lebih besar dalam merencanakan lagi aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Pada tahun 2022, telah direkodkan sebanyak 12 perjanjian persefahaman (MOU) dengan universiti antarabangsa seperti Asia University Taiwan, Rojavanam College of Higher Education India, Tokyo University of Technology, Universitas 'Aisyiyah Bandung dan lain-lain untuk merencanakan lagi aktiviti penyelidikan melalui program pengajaran kolaboratif kerjasama penyelidikan, pertukaran pelajar dan lain-lain. **Rakan komuniti** seperti pelajar pra-sekolah, pelajar sekolah rendah, komuniti Masjid Puncak Alam dan lain-lain telah membantu mengukuhkan lagi jaringan kolaborasi penyelidikan dan pengkomersialan dengan FSK (Bukti 3.2.4).

Tumpuan terhadap pelanggan luaran dalam bidang pengkomersialan perkhidmatan juga memainkan peranan penting dalam penjana pendapatan hasil kelestarian penyelidikan di FSK. Terdapat lima klinik dan dua makmal diagnostik di Pusat Perkhidmatan Kesihatan FSK yang boleh digunakan oleh pelanggan luaran iaitu **orang awam** seperti UiTM Vision Care, Klinik Fisioterapi, Klinik Terapi Cara Kerja, Klinik Terapi Diet dan UiTM Mobile Nursing Care, Makmal Diagnostik dan Makmal Pengimejan Diagnostik. Seramai 5094 bilangan orang awam telah direkodkan sebagai pelanggan yang berdaftar pada tahun 2022 di sebahagian klinik-klinik ini (Bukti 3.2.5).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_T01_TB02_20231_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.2.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB02_20232_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.2.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB02_20233_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.2.3.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB02_20235_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.2.5.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB02_20235_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.2.4.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dashboard @FSK merupakan satu medium bagi pengumpulan, pengenalpastian dan penyimpanan data kumpulan sasaran bagi tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSK.

Melalui bidang **tumpuan penyelidikan**, kumpulan sasaran pelanggan ialah pensyarah, pelajar pascasiswazah dan rakan universiti. Sejumlah 64 (50.7%) orang pensyarah dari sembilan pusat pengajian dikenalpasti oleh *Research Powerhouse @FSK* yang berpotensi sebagai Penyelidik Utama dengan merujuk kepada pensyarah yang masih belum mempunyai geran aktif pada tahun 2022 (Bukti 3.3.1). Melalui hebahan penawaran geran oleh Sekretariat Unit Perolehan Geran RMC, *Research Powerhouse @FSK* telah bertindak mengadakan bengkel berkaitan penyelidikan kepada penyelidik utama serta mengkoordinasi dan memantau projek penyelidikan geran nasional dan antarabangsa. FSK menyediakan bimbingan teknik penulisan kertas kerja dengan menyediakan platform Bank Proposal PRGS & FRGS dan beberapa siri Bengkel Penulisan bagi menambah peratusan kejayaan perolehan geran. Bukti permohonan geran seterusnya direkodkan oleh pemohon menerusi Dashboard @FSK dan sentiasa dianalisa oleh unit Penyelidikan dan Inovasi PJI FSK. Bagi pelajar pascasiswazah, mereka juga bertanggung jawab sebagai Pembantu Penyelidik Geran untuk membantu permohonan geran penyelidikan dengan bimbingan penyelia mereka di FSK. Sejumlah tujuh orang pelajar memperoleh Geran Insentif Penyeliaan pada tahun 2022. Kolaborasi dengan rakan universiti dalam permohonan geran penyelidikan juga diamalkan bagi menambah dinamik kumpulan penyelidik (Bukti 3.3.2).

Dalam bidang tumpuan **penerbitan**, kumpulan sasaran ialah pensyarah, rakan industri, rakan universiti dan pelajar. Pensyarah FSK telah dikenalpasti dengan penetapan KPI penerbitan minimum tahunan staf akademik UiTM mengikut trek utama dan kategori penyelidik berdasarkan gred jawatan (Bukti 3.3.1). Dalam Pelan Tindakan Strategik FSK, beberapa PI dalam bidang tumpuan penerbitan juga ditindikkan dengan rakan industri dan rakan universiti dari luar dan dalam negara melalui 'penerbitan bersama' bagi meningkatkan lagi jaringan kolaborasi dan visibiliti pensyarah. Inisiatif seperti Jom ke Konferens Berindeks, FSK Rising Stars, Bengkel Penulisan Siri 1 dan Bengkel Penulisan Siri 2 telah menggalakkan pembabitian pensyarah dalam penerbitan jurnal berindeks (WOS, Scopus), jurnal tidak berindeks (MyCite) dan lain-lain penerbitan (prosiding berindeks). Maklumat penerbitan direkodkan dan dipantau melalui Dashboard @ FSK (Bukti 3.3.3) dan bukti penerbitan yang telah berjaya diterbitkan telah dimuatnaik oleh pensyarah dalam sistem Prime.

Melalui bidang tumpuan **pengkomersialan perkhidmatan**, Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal FSK juga telah mengkomersialkan perkhidmatan mereka melalui banyak sub-kepakaran klinikal di bawah klinik masing-masing. Orang awam sebagai pelanggan luaran yang telah berdaftar di klinik telah ditetapkan dengan temujanji dan seterusnya melalui proses perkhidmatan dan perundingan. Data-data pelanggan ini direkodkan dan disimpan oleh jawatankuasa pengurusan klinik masing-masing di FSK (Bukti 3.3.4). Pensyarah yang terlibat dalam inovasi dan konsultasi dalam bidang kepakaran masing direkodkan dalam Dashboard @ FSK (Bukti 3.3.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB03_20231_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.3.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB03_20232_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.3.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB03_20233_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.3.3.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB03_20234_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.3.4.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB03_20235_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSK amat menghargai penglibatan semua peringkat dalam usaha membudayakan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Terdapat pelbagai kebaikan dan ganjaran yang diberikan kepada staf atas penglibatan dalam penghasilan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Dalam tumpuan **penerbitan**, antara inisiatif yang dilakukan oleh FSK dalam menjayakan proses penerbitan adalah menerusi pembiayaan yuran penyertaan konferens kepada setiap pensyarah. FSK menyediakan peruntukan maksimum RM1500 setahun bagi tujuan pembiayaan yuran penyertaan pensyarah bagi pembentangan di mana-mana konferens. Selain itu, peruntukan pembiayaan maksimum RM1000 turut disediakan bagi pembayaran yuran penerbitan artikel berindeks (Bukti 3.4.1.1). Pembiayaan yang bersumberkan dana tabung amanah ini membantu meringankan kewangan para pensyarah dalam penghasilan penerbitan bagi mencapai sasaran kerja tahunan. Insentif penerbitan turut dianugerahkan kepada pensyarah yang berjaya menerbitkan artikel dalam jurnal tertentu. Jumlah insentif yang disediakan adalah berbeza mengikut impak/indeks jurnal.

Melalui bidang tumpuan **penyelidikan**, perolehan geran penyelidikan dapat meningkatkan jumlah penerbitan dan jumlah jaringan kolaborasi dengan rakan industri dan universiti dari dalam dan luar negara. Perolehan geran juga dapat membantu pembiayaan pelajar pascasiswazah sebagai Pembantu Penyelidik Geran (GRA), contohnya melalui Geran Insentif Penyeliaan (GIP). Usaha staf dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi juga diambil kira sebahagian daripada ukuran penilaian sasaran kerja tahunan (SKT) yang dijalankan setiap tahun melalui sistem pemantauan MyATP. Selain itu, penganugerahan kepada pensyarah yang menghasilkan penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi dan inovasi turut diadakan sebagai satu bentuk pengiktirafan atas usaha mereka melalui Majlis Anugerah Kualiti (MAK) FSK. Antara anugerah yang dipertandingkan dalam bidang tumpuan ini ialah Anugerah Penyelidik Terbaik, Anugerah Perunding Terbaik, Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi, Anugerah Penulis Jurnal Terbaik, Anugerah Ahli Akademik Harapan dan Anugerah Tokoh Akademik (Bukti 3.4.1.2). Pemenang yang berjaya turut dicalonkan untuk Anugerah Akademik Universiti (AAU) untuk ke peringkat Universiti.

Melalui tumpuan **pengkomersialan**, kewujudan pertandingan inovasi seperti IIDEX dapat merangsang pertumbuhan daya inovasi dan pengkomersialan dengan mapannya. Penyediaan peruntukan pembiayaan yuran penyertaan dapat membantu mengurangkan beban kewangan peserta. Pada tahun 2022, FSK menyediakan peruntukan pembiayaan penyertaan sebanyak RM5000 bagi kontijen FSK (Bukti 3.4.1.3). Pengkomersialan perkhidmatan Pusat Rehabilitasi dan Perkhidmatan Klinikal FSK juga telah meningkatkan penjanaan pendapatan bagi menyokong semula perjalanan operasi *Research Powerhouse @FSK* (Bukti 3.4.1.4).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_T01_TB04_TC01_20231_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.1.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB04_TC01_20232_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.1.2\(n\).pdf](#)
3. [F0042_T01_TB04_TC01_20233_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.1.3.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB04_TC01_20234_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.1.4.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko:

Terdapat beberapa risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan maklum balas pelanggan. Risiko ini membabitkan pensyarah, pelajar pascasiswazah dan rakan kolaborasi (Bukti 3.4.2.1).

Antara faktor yang boleh merisikokan perolehan geran penyelidikan dan penerbitan ialah kekurangan pengalaman meluas di kalangan penyelidik muda. Antaranya disebabkan umur muda (bawah 40 tahun), belum disahkan jawatan dan baru pulang cuti belajar (Bukti 3.4.2.2). Selain daripada itu, kekurangan visibiliti pensyarah pakar bagi sesetengah bidang di FSK turut mengurangkan potensi berkolaborasi dengan industri dan universiti luar negara bagi tujuan perolehan geran dan penerbitan.

Selain itu, terdapat juga risiko kekurangan pengalaman yang meluas untuk menjalankan penyelidikan bagi pelajar pascasiswazah yang baru bergraduasi dari program pra-siswazah. Hal ini juga boleh merisikokan pelajar untuk bergraduasi pada masa yang ditetapkan.

Seterusnya, bagi tumpuan pengkomersialan perkhidmatan, kekurangan pendaftaran masuk orang awam juga boleh menjejaskan pencapaian maklum balas pelanggan. Antaranya adalah disebabkan kekurangan visibiliti perkhidmatan yang ditawarkan oleh klinik FSK dan terdapat banyak saingan dari klinik rehabilitasi kesihatan swasta yang berdekatan dengan FSK.

Pengurusan:

Bagi pengurusan risiko yang melibatkan penyelidik muda yang berpotensi, *Research Powerhouse @FSK* telah menggerakkan inisiatif seperti penubuhan kumpulan sokongan FSK Rising Stars bagi pensyarah muda yang baru menyertai FSK. Bengkel Penulisan Bersiri, Jom ke Konferens Berindeks, dan Program MEE 2.0 merupakan antara program yang dianjurkan untuk memberikan bimbingan dan meningkatkan kejayaan penerbitan dan perolehan geran penyelidikan. Inovasi seperti Journal in House @FSK juga menggalakan penyertaan dari penyelidik muda dalam penerbitan. Pada tahun 2022 juga terdapat tiga penubuhan Research Interest Group (RIG) bagi menyokong perkembangan 3P (Bukti 3.4.2.3).

Bagi memastikan setiap pelajar dapat menyiapkan penyelidikan mengikut unjuran masa yang ditetapkan, pelajar telah diselia secara berkala dan konsisten. Pelajar dapat memberikan maklum balas kemajuan melalui Presentation of Progress Report, dan masalah berbangkit dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti. FSK juga menyediakan bimbingan melalui anjuran kolokium pelajar dan bengkel-bengkel penyelidikan berkaitan (Bukti 3.4.2.4).

Selain itu, bagi memastikan keterlihatan perkhidmatan klinikal di FSK UiTM pada pandangan umum, hebahan dilakukan menerusi platform media sosial. Hebahan ini akan menerangkan mengenai jenis perkhidmatan yang disediakan beserta kadar caj yang dikenakan bagi setiap perkhidmatan. FSK juga telah mempelbagaikan perkhidmatan bagi tujuan pengkomersialan (Bukti 3.4.2.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB04_TC02_20231_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.2.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB04_TC02_20232_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.2.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB04_TC02_20233_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.2.3.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB04_TC02_20234_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.2.4.pdf](#)
5. [F0042_T01_TB04_TC02_20235_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.2.5.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi perkara-perkara berbangkit mengenai tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan pensyarah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti. Contohnya, bagi menambah baik jumlah penerbitan dan peratusan perolehan geran, hebahan bengkel-bengkel penyelidikan, penawaran geran dan penubuhan Research Interest Group (RIG) dibincangkan dalam jawatankuasa ini (Bukti 3.4.3.1). Manakala, maklum balas berkaitan dengan penyelidikan melibatkan pelajar, pembentangan *Progress Report* pelajar pascasiswazah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil Akademik Pengajian Siswazah (JKAPS). Pelajar yang berada dalam pemerhatian telah diminta untuk memperbaiki pencapaian mereka. FSK juga menyediakan bimbingan melalui anjuran kolokium pelajar dan bengkel-bengkel penyelidikan berkaitan (Bukti 3.4.3.2).

Selain itu, maklumbalas pelanggan yang terlibat dalam pengkomersialan perkhidmatan telah difokuskan kepada pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan klinikal iaitu orang awam. Beberapa medium disediakan untuk menyampaikan maklum balas seperti Soal Selidik Kepuasan Pelanggan, peti cadangan/ aduan, dan aduan terus melalui email, whatsapp dan surat menyurat (Bukti 3.4.3.3). Pengurusan Klinik mempunyai pegawai yang bertanggungjawab untuk menerima, menganalisa dan membentangkan dapatan analisa aduan di dalam Mesyuarat Pengurusan Klinikal. Hasil maklum balas akan diajukan semula kepada pelanggan dan diambil untuk penambahbaikan berterusan dalam pengurusan klinik (Bukti 3.4.3.4).

Selain itu, terdapat juga Jawatankuasa Pengurusan Risiko di peringkat FSK memastikan analisa mengenai pengurusan risiko dapat diselaraskan. Setiap risiko diperincikan berdasarkan maklum balas dan aduan pelanggan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB04_TC03_20231_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.3.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB04_TC03_20232_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.3.2 .pdf](#)
3. [F0042_T01_TB04_TC03_20233_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.3.3.pdf](#)
4. [F0042_T01_TB04_TC03_20234_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.4.3.4.pdf](#)
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penggunaan konsep F.A.S.T. dalam setiap tindakan yang dilakukan telah memastikan segala isu yang timbul dibincangkan sekerap mungkin. Semua pihak diberi maklum mengenai isu tersebut dan langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan dilakukan oleh semua. Hal ini dapat memastikan setiap pihak cakna mengenai sesuatu itu seterusnya mengelakkan kebarangkalian maklumbalas negatif atau aduan berkaitan perkhidmatan klinikal di FSK (Bukti 3.5.1).

Hasil daripada ini, *Research Powerhouse @FSK* telah menginovasikan satu platform *Dashboard @FSK* untuk mengumpul, menyimpan, mengenalpasti dan menganalisa data pelanggan yang menyumbang kepada penyelidikan dan penerbitan. Melalui platform ini, *Research Powerhouse @FSK* dapat mengenalpasti pensyarah, rakan kolaborasi, geran dan jurnal yang berpotensi mengikut tren penerbitan dan penyelidikan. Sebagai contoh, berdasarkan hasil analisa, beberapa PI dalam bidang tumpuan penerbitan ditindikkan dengan rakan industri dan rakan universiti dari luar dan dalam negara melalui 'penerbitan bersama' telah meningkatkan lagi visibiliti pensyarah dengan jaringan kolaborasi antarabangsa (Bukti 3.5.2).

Selain itu, Sistem SMS-Bulk oleh Klinik Optometri UiTM juga merupakan salah satu hasil inovasi untuk pemberitahuan temujanji yang berkesan, automatik dan pantas kepada pelanggan hasil daripada maklum balas pelanggan. Melalui pengkomersilan perkhidmatan, servis pemeriksaan mata dengan bas bergerak Optometri merupakan salah satu daripada hasil inovasi perkhidmatan dimana capaiannya bersifat nasional, telah berkhidmat dengan komuniti setempat di dalam negara. (Bukti 3.5.3)

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_T01_TB05_20231_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.5.1.pdf](#)
2. [F0042_T01_TB05_20232_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.5.2.pdf](#)
3. [F0042_T01_TB05_20233_FSK_Tumpuan Pelanggan_3.5.3.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (3P) merupakan salah satu bidang yang penting bagi sesebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. Sehubungan itu, FSK UiTM amat mengambil berat akan bidang pilihan ini kerana hasil sumbangan FSK khususnya di bidang kesihatan mampu memberi manfaat dan faedah yang besar buat pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, adalah sewajarnya bidang ini menjadi salah satu pilihan utama FSK UiTM. Dalam memastikan bidang ini terus relevan dan cemerlang, pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan amat penting dan harus di ambil berat oleh setiap warga FSK. Dalam memastikan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan ini dikendalikan dengan cekap dan berkesan, FSK telah mengambil pendekatan menggunakan konsep PDCA. **Perancangan (Plan)** bagi pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan berkaitan bidang 3P bermula dengan objektif kualiti fakulti yang telah ditetapkan diikuti dengan petunjuk prestasi (PI) fakulti yang ditetapkan oleh pihak pengurusan tertinggi UiTM. Ianya adalah selari dengan dasar kerajaan dan dasar UiTM sendiri yang berhasrat menuju kearah Globally Renowned University (GRU) menjelang 2025. Dalam usaha mencapai kecemerlangan di bidang 3P ini, FSK telah memastikan pucuk pimpinan yang tepat dan mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam memimpin FSK ke arah kecemerlangan 3P ini. Disamping itu, pengurusan sumber samada sumber manusia, peralatan dan persekitaran juga dianggap penting dalam membantu merancang strategik kearah fakulti yang cemerlang dalam bidang 3P ini. FSK juga memastikan perancangan berkaitan bidang ini dibuat dengan mengambil kira pencapaian lepas dan hasil perbandingan dengan fakulti dan universiti lain samada dalam atau luar negara. **Perlaksanaan (Do):** FSK telah memastikan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan ini dilaksanakan dengan cekap dan sistematik iaitu dengan menggunakan sistem pengumpulan data yang sedia ada dan dengan penambaaikan proses kerja iaitu dengan inovasi "Dashboard@FSK" yang dilihat banyak membantu pengurusan data ini. FSK memastikan semua pensyarah memahami keperluan pengukuran dan analisa data serta peranan mereka bagi mencapai sasaran 3P yang telah ditetapkan. Pelbagai kaedah penyampaian dan perkongsian maklumat yang diaplikasi oleh FSK seperti melalui mesyuarat, pekeliling dan amanat dekan, laporan, buletin wacana FSK, surat, e-mel, papan kenyataan, majlis dialog, media sosial seperti laman sesawang FSK dan kumpulan WhatsApp Akademik agar pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan berkaitan 3P menjadi tanggungjawab bersama warga FSK. **Pemantauan (Check):** FSK telah memastikan penilaian dan pemantau dijalankan secara berkala agar pengesanan awal risiko dan penambahbaikan dapat dilaksanakan. FSK menggunakan Pendekatan utama iaitu *People, Process and Technology* dalam usaha mengenalpasti risiko. Sistem Analisa SWOT telah digunakan bagi mengenalpasti langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan khususnya berkaitan pengukuran, analisa dan pengurusan pembelajaran. Semua data-data berkaitan 3P akan dikumpulkan, dianalisa dan dibentangkan semua peringkat iaitu di peringkat pusat pengajian, peringkat fakulti dan akhir sekali di peringkat pengurusan tertinggi UiTM. **Penambahbaikan (Act):** Antara amalan yang dibudayakan oleh FSK dalam memastikan pengukuran, analisa dan pengurusan pembelajaran ini, adalah dengan menambahbaik proses kerja dan membangunkan teknologi khusus dalam pengumpulan data-data 3P iaitu memperkasakan system PRIME UiTM dan menggunakan "Dashboard@FSK". Hasil dapatan secara kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk terus menilai pencapaian dan sasaran dan ditetapkan termasuk penambahbaikan berterusan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Selain pengajaran yang menjadi teras utama dalam ekosistem institusi pendidikan tinggi (IPT) di negara ini, penyelidikan juga merupakan elemen yang perlu diberi perhatian khusus. Ianya selari dengan tema strategik penyelidikan di dalam dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Rajah 4.2.1) iaitu memastikan ketampakan fungsi IPT dalam usaha memajukan penyelidikan dan memanfaatkan kekuatan dalam bidang intelektual untuk memberi kesan kepada komuniti, teknologi, ekonomi dan masyarakat.

Sehubungan itu, FSK telah memilih bidang tujahan yang melibatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (3P) sebagai bidang tumpuan pilihan memandangkan agenda penyelidikan bukan sahaja merupakan salah satu instrumen pengukuran sesebuah universiti, bahkan dengan kecemerlangan penyelidikan ini dapat meletakkan FSK dan UiTM amnya di kedudukan yang membanggakan di peringkat nasional dan antarabangsa. Ianya adalah sebagai menyahut cabaran di bawah Pelan Strategik UiTM2025 iaitu menjadikan UiTM sebagai *Globally Renowned University* (GRU) menjelang 2025 (Rajah 4.2.1).

Oleh yang demikian, pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan berkaitan 3P ini amat penting yang perlu dikongsi dan dipikul bersama setiap warga FSK dalam usaha memperkasakan kualiti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Data-data bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan diturunkan menerusi petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan oleh pihak tertinggi UiTM selepas mendapat kelulusan Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU). Serahan Sasaran PI kepada semua Fakulti / Kampus / Jabatan / Pusat Kecemerlangan (CoE) akan dibuat pada setiap awal tahun bagi membantu perancangan bengkel dan *Strategic Action Plan* (SAP) (Rajah 4.2.2).

PI yang telah ditetapkan adalah, enam PI dibawah bidang penyelidikan, 8 PI dibawah penerbitan manakala 8 PI di bawah pengkomersialan (Rajah 4.2.3)

Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti yang diketuai oleh Timbalan Dekan Penyelidikan, Jaringan dan Industri bertanggungjawab menguruskan data-data penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dan dengan inovasi “Dashboard@FSK” yang dibangunkan oleh FSK, tanggungjawab ini turut dibantu oleh koordinator-koordinator dan pegawai-pegawai yang dilantik bagi memastikan kecemerlangan di bidang pilihan ini (Rajah 4.2.4 & 4.2.5).

FSK telah mengambil pendekatan memastikan semua pensyarah diberi pendedahan berkaitan petunjuk prestasi (PI) yang diturunkan oleh UiTM diuruskan dengan cekap dan berkesan khususnya keperluan memuatnaik data-data 3P dalam Sistem PRIME (Portal for Research and Innovation Management) dan “Dashboard@FSK”. Data-data ini dikumpulkan, dianalisa, dibincangkan dan dikongsikan kepada semua warga FSK bagi memastikan perancangan yang sistematik dapat dilaksanakan. FSK mengambil pelbagai pendekatan berkongsi maklumat dan pengetahuan melalui mesyuarat, pekeliling dan amanat dekan, laporan, buletin wacana FSK, surat, e-mel, papan kenyataan, majlis dialog, media sosial seperti laman sesawang FSK dan kumpulan WhatsApp Akademik agar pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan berkaitan 3P menjadi tanggungjawab bersama warga FSK.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_A01_AB02_20231_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.2.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB02_20232_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.2.2.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB02_20233_FSKPENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.2.3.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB02_20234_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.2.4.pdf](#)

5. [F0042_A01_AB02_20235_FSK_PENGUKURAN_ANALISA & PENGURUSAN
PENGETAHUAN_BUKTI 4.2.5.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Selain menggunakan Sistem PRIME bagi menguruskan data-data 3P, “Dashboard@FSK” yang lebih user-friendly digunakan untuk tujuan tersebut (Jadual 4.3.1).

Maklumat mengenai penggunaan kedua-dua sistem ini khususnya daripada segi kaedah dan kekerapan pengumpulan data, agihan PI dan perancangan FSK telah disampaikan kepada semua Ketua Pusat Pengajian dan seluruh pensyarah menerusi mesyuarat, bengkel, jerayawara serta laman sesawang dan media sosial fakulti (Rajah 4.3.2).

Selain daripada itu, pensyarah juga disarankan untuk mengikuti taklimat-taklimat berkaitan PRIME yang dianjurkan oleh PTAR (Perpustakaan Tun Abdul Razak) UiTM bagi membantu para penyelidik dalam mendaftarkan penerbitan dengan sebaiknya (Rajah 4.3.3).

FSK juga mengambil pendekatan mengenal pasti pensyarah baru dan mereka ini diberikan pendedahan dan kefahaman mengenai 3P melalui bengkel-bengkel yang dijalankan. Mereka ini akan dikumpulkan dalam satu platform yang dipanggil FSK Rising Star di mana selain daripada menyampaikan maklumat-maklumat mengenai 3P, mereka juga disuntik dengan motivasi untuk terus menyumbang kepada aktiviti-aktiviti 3P fakulti (Rajah 4.3.4).

FSK memastikan data-data berkaitan **penyelidikan dan penerbitan** dikumpulkan, dibentangkan dan di analisa setiap bulan dalam **Mesyuarat Penyelidikan Fakulti**. Manakala data bidang inovasi dan pengkomersialan perkhidmatan dikumpulkan, dibentangkan dan di analisa **setiap dua bulan** dalam **Mesyuarat Pengurusan Fakulti**. Kumulatif data-data dan laporan ini digunakan untuk penyediaan Pelaporan Pencapaian Prestasi Fakulti dan akan dibentangkan pada setiap sukuan tahun kepada pihak pengurusan tertinggi UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB03_20231_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.3.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB03_20232_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.3.2.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB03_20233_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.3.3.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB03_20234_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.3.4.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB03_20235_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSK menggunakan beberapa pendekatan bagi memantau aktiviti 3P fakulti yang melibatkan beberapa peringkat iaitu di peringkat staf akademik, peringkat fakulti dan peringkat universiti. FSK telah membangunkan model [F.A.S.T@FSK](#) bagi membantu sistem pemantauan berkala.

Selain memastikan semua pensyarah didedahkan mengenai keperluan pengukuran dan analisa dan peranan setiap pensyarah dalam mencapai kecemerlangan 3P, melalui Sistem PRIME dan “Dashboard@FSK” pensyarah dipantau secara berkala oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti. Pensyarah yang didapati masih belum terlibat dengan mana-mana elemen 3P akan dikenalpasti dan peringatan mesra akan diberikan kepada mereka melalui emel fakulti mahupun melalui media-sosial FSK (Rajah 4.4.1a).

Pemantauan hasil pencapaian 3P dijalankan secara berkala dan dengan menggunakan “Dashboard@FSK” pengumpulan dan analisa data dapat dilaksanakan dengan sangat berkesan (Rajah 4.4.1b)

Analisa Pencapaian dan pemantauan hasil dapatan data telah dikongsikan dan dibincangkan melalui mesyuarat pengurusan dan pengoperasian fakulti antaranya Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (Jadual 4.4.1c).

Manakala pemantauan dan perkongsian hasil analisa 3P dijalankan secara suku tahunan di peringkat pengurusan tertinggi UiTM iaitu melalui Mesyuarat Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Berdasarkan hasil pemantauan ini, FSK telah mengambil pendekatan membandingkan pencapaian antara Fakulti / Kampus Cawangan dan Pusat Kecemerlangan bagi mengenalpasti tindakan penambahbaikan berterusan (Rajah 4.4.1d). Kaedah pemantauan ini dibuat bagi memastikan FSK terus cemerlang dalam bidang pilihan 3P ini dan dalam usaha merealisasikan hasrat UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025.

Selain daripada itu, FSK melaksanakan Program MEE 3.0 (Monitoring, Enforce & Execute) yang diperkenalkan oleh UiTM dan laporan-laporan daripada Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dalam usaha memantau dan mengenalpasti penambahbaikan di bidang pilihan ini.

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_A01_AB04_AC01_20231_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.1.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB04_AC01_20232_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.1.2.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB04_AC01_20233_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.1.3.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB04_AC01_20234_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.1.4.pdf](#)
5. [F0042_A01_AB04_AC01_20231_FSK_PENGUKURAN, ANALISA DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.1a.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FSK melaksanakan proses penganalisan risiko mengaplikasikan Model Pelan Pengurusan Risiko (Rajah 4.4.2a) yang lebih sistematik dan tersusun bagi proses pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan. Pendekatan utama iaitu *People*, *Process* dan *Technology* dibawah 3P's *Organizational Performance* dan *Research Excellence Framework* telah digunakan bagi penetapan konteks (Rajah 4.4.2b). *People* adalah individu yang terlibat dalam proses pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan yang terdiri daripada pihak pengurusan FSK, pensyarah dan pemegang taruh (termasuk pelanggan pengkomersialan perkhidmatan). *Process* pula melibatkan aktiviti pengumpulan, analisa dan penilaian data-data 3P manakala *Technology* pula adalah instrumen yang digunakan untuk proses tersebut.

Komunikasi dan perbincangan secara berkala dan berterusan telah dijalankan dalam usaha mengenalpasti risiko pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan menerusi mesyuarat-mesyuarat pengurusan dan pengoperasian fakulti. Disamping itu, penilaian dan pengurusan risiko FSK diuruskan dengan cekap oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko FSK. Risiko-risiko yang dikenalpasti (termasuk berkaitan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan) didaftarkan dan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan fakulti bagi menentukan strategi kawalan (Rajah 4.4.2c). Disamping itu, FSK terus memantau dan menjalankan semakan semula secara berterusan.

FSK telah mengenalpasti beberapa risiko yang berkaitan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan yang melibatkan 3 pendekatan utama iaitu *People*, *Process* dan *Technology* (Jadual: 4.4.2d)

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB04_AC02_20231_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.2.1E.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB04_AC02_20232_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.2.2.E.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB04_AC02_20233_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.2.3E.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB04_AC02_20234_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.2.4.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penilaian yang melibatkan data-data kuantitatif dan kualitatif (hasil perbincangan) berkaitan aktiviti pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan 3P, FSK telah mengaplikasikan sistem analisa SWOT bertujuan untuk mengenalpasti langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan berterusan (Rajah 4.4.3a).

Hasil analisa ini, kekuatan FSK dikenalpasti daripada Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti, terdapatnya staf yang berpengalaman dan terlatih serta penyelia-penyelia kajian pelajar yang komited menghasilkan kajian-kajian yang dapat membantu kecemerlangan 3P FSK.

FSK juga dilihat mempunyai peluang yang besar iaitu jaringan hubungan menerusi *The Quadruple Helix Model* yang telah wujud dan diwujudkan iaitu dengan penglibatan pihak kerajaan, industri (Bukti 4.4.3b), komuniti, akademik yang mampu menyokong 3P fakulti. Disamping itu juga FSK mempunyai ramai alumni-almuni yang bergiat aktif di keempat-empat bidang ini yang mampu menguatkan lagi sokongan terhadap bidang 3P fakulti (Rajah 4.4.3c).

Walau bagaimana pun FSK akur akan kelemahan yang ada iaitu kurangnya dana bagi menampung bidang 3P dan juga kurangnya pemantauan dan penyelarasan sebelum ini. FSK juga telah mengenalpasti ancaman iaitu saringan daripada institusi pengajian tinggi terutama yang telah diiktiraf sebagai *Research University*.

Hasil daripada Analisa SWOT dan dengan menggunakan 3 pendekatan utama iaitu *People*, *Process* dan *Technology*, FSK telah mengenalpasti langkah-langkah penambahbaikan bagi bidang pilihan iaitu penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (Rajah 4.4.3d).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB04_AC03_20231_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.3.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB04_AC03_20232_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.3.2 A.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB04_AC03_20233_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.3.3A.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB04_AC03_20234_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.4.3.4A.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FSK berjaya menghasilkan proses kerja yang sistematik dan konsisten bagi membantu bidang 3P ini. Beberapa penambahbaikan proses kerja dan inovasi telah dibangunkan bagi menambahbaik proses pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan (Bukti Jadual 4.5.1). Antara inovasi yang dibangunkan adalah “Dashboard@FSK” yang bertujuan untuk mengukur, menganalisa dan memantau aktiviti-aktiviti 3P di Fakulti (Bukti Rajah 4.5.1 dan 4.5.2). Kesemua inovasi dan penambahbaikan proses kerja terhasil daripada kesungguhan dan komitmen warga FSK iaitu daripada peringkat pengurusan tertinggi fakulti, pusat pengajian, staf akademik dan juga staf sokongan. Hasil inovasi ini didokong oleh amalan-amalan yang diterapkan di fakulti seperti “FSK Commit Towards GRU” dan konsep “F.A.S.T” dalam kalangan warga FSK (Bukti Rajah 4.5.3). Keberkesanan setiap tindakan ini telah dijadikan amalan terbaik fakulti bagi melonjakkan bidang 3P ini di peringkat universiti, nasional dan antarabangsa.

FSK terus berusaha memastikan hasil daripada analisa yang dijalankan ini menjadi suatu amalan dan budaya, bukan sahaja dalam kalangan staf akademik bahkan melibatkan juga staf sokongan dalam usaha untuk memapankan bidang 3P di FSK. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengurusan pengetahuan diadakan secara berterusan dengan warga FSK seperti seperti perkongsian berkenaan PI, geran penyelidikan, kolokium pelajar dan bengkel penulisan (Rajah 4.5.4).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_A01_AB05_20231_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.5.1.pdf](#)
2. [F0042_A01_AB05_20232_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.5.2.pdf](#)
3. [F0042_A01_AB05_20233_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.5.3.pdf](#)
4. [F0042_A01_AB05_20234_FSK_PENGUKURAN, ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN_BUKTI 4.5.4.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan (Plan) yang rapi telah dijalankan oleh pejabat PJI bagi melancarkan pencapaian di dalam bidang tumpuan iaitu penerbitan, perolehan geran dan pengkomersialan (3P). Jerayawaya oleh Timbalan dekan PJI adalah antara pelaksanaan tahunan bagi menyampaikan mandat dari Dekan FSK. Perancangan telah diatitkan mengikut 4 unit di bawah kelolaan pejabat PJI iaitu unit Penyelidikan dan Inovasi, Penerbitan, Perundingan & Kecemerlangan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (ICAN) dan Pengurusan Klinik. Setiap unit mempunyai fungsi dan pelaksanaan tersendiri yang bersifat memacu kearah kecemerlangan penyelidikan.

Antara **pelaksanaan (Do)** strategik yang telah disusun adalah penyediaan prasarana yang sesuai bagi pensyarah mempraktikkan aktiviti penulisan seperti menganjurkan bengkel-bengkel penulisan dan perolehan geran serta bengkel berkaitan kaedah penyelidikan. Galakan dan pendedahan berterusan juga di sasarkan kepada pensyarah baru agar mereka lebih aktif di dalam bidang penulisan makalah dan perolehan geran. Selain dari itu, setiap pensyarah juga di sarankan agar menerbitkan satu makalah seorang. Pendekatan ini adalah sejajar dengan amanat Timbalan Naib Canselor bersama slogan "Seorang pensyarah satu penerbitan". Pejabat PJI juga telah menyediakan bantuan penerbitan "*Special Issues*" di jurnal berindex bagi memperkasakan budaya penerbitan di kalangan pensyarah. Pendekatan ini dilihat banyak memberi impak yang tinggi kepada pencapaian KPI fakulti khususnya KPI pejabat PJI.

Pemantauan (Check) terhadap sumber manusia di PJI FSK dilaksanakan melalui sistem Dashboard@FSK dan sistem PRIMe bagi memastikan hasil kerja yang berkualiti dari aspek penulisan, permohonan geran, dan pengkomersialan. Ini dilakukan bagi mengenalpasti risiko terhadap ketiga-tiga aspek dari sudut sumber manusia PJI FSK agar tindakan pencegahan dapat dilaksanakan bagi memaksimumkan kebolehcapaian KPI yang disasarkan. Sistem aduan turut diimplimentasi melalui sistem dan saluran komunikasi yang disediakan oleh pihak pengurusan PJI FSK. Maklumat risiko yang telah dikenalpasti hasil cerapan maklumat pemantauan dari sistem yang digunakan dan maklumbalas para pensyarah melalui soal selidik yang dilaksanakan, dianalisa untuk menentukan tindakan pencegahan yang bertepatan boleh dilakukan. Beberapa siri bengkel dan program telah dijalankan bagi meningkatkan capaian maklumat dan kemahiran para pensyarah untuk mengoptimalkan prestasi dan keberhasilan dalam aspek penerbitan, permohonan geran, dan pengkomersialan.

Hasil pemantauan dan kenalpasti risiko di PJI FSK, beberapa **tindakan penambahbaikan (Act)** telah diambil untuk memastikan sistem kerja dan persekitaran kerja yang kondusif. Antaranya termasuklah penggunaan Dashboard@FSK sebagai platform hebahan, perancangan, dan pemantauan pencapaian 3P pensyarah FSK. Selain itu penubuhan Jawatankuasa Kecil Penyelidikan Fakulti membantu melancarkan aktiviti 3P di peringkat fakulti. Bagi mengoptimalkan fokus terhadap penulisan, *Writing Hour* diperuntukkan kepada pensyarah disamping langganan pangkalan jurnal berindeks berskala pendek dengan proses semakan makalah (*peer-review*) yang singkat. Antara inisiatif lain termasuklah gandingan pensyarah berkepakaran/berpengalaman/bakal berpencen bersama pensyarah muda bagi kesinambungan kepakaran dan pelapis dalam aktiviti 3P. Susun atur semula pejabat turut diambilkira untuk memastikan persekitaran kerja kondusif. PJI FSK melaksanakan inovasi dan integrasi hasil tindakan di atas termasuklah implementasi Sistem Bulk temujanju pelanggan dan Klinik Optometri Bergerak bagi perkhidmatan klinik untuk perluasan kepada masyarakat komuniti, kolaborasi penyelidikan di peringkat antarabangsa (profesor adjung dan pelawat) juga antara inovasi dalam aktiviti 3P. keberhasilan inovasi ini diraikan oleh PJI dalam bentuk penghargaan dan pengiktirafan seperti Majlis Anugerah Kualiti, insentif penerbitan dan konferens serta pengiktirafan di media cetak.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

1. Perancangan

- Jerayawara dari pejabat PJI diketuai oleh Timbalan Dekan PJI (TDPJI) merupakan agenda tahunan FSK yang kebiasaannya diadakan pada awal tahun. [Bukti 5.2.1a](#)
- Pada tahun 2022, jerayawara TD PJI adalah sejajar dengan Amanat Naib Canselor yang berkehendakan sumber manusia di FSK untuk menumpukan kepada 3 teras utama iaitu, penerbitan, geran penyelidikan dan pengkormesialan
- Perancangan dari Pejabat PJI telah dibahagikan mengikut 4 unit yang dibawah kelolaan pejabat PJI. [Bukti 5.2.1b](#)
- Setiap unit memainkan peranan masing-masing dalam perancangan dan langkah untuk mencapai objektif di dalam bidang tumpuan.

2. Penyelarasan dan pengkoordinasian

Terdapat 4 unit di bawah seliaan pejabat PJI:

i. Penyelidikan & Inovasi

Fungsi:

- Mengkoordinasi dan memantau projek penyelidikan (Geran Nasional & Antarabangsa)
- Mengendalikan dan menilai borang permohonan etika di fakulti. [Bukti 5.2.1c](#)

Perlaksanaan:

- Menjalankan mesyuarat bulanan untuk menilai dan meluluskan borang permohonan etika penyelidikan.
- Menilai, menambahbaik dan menyokong permohonan geran untuk dimajukan terus ke entiti yang menawarkan geran tersebut.

ii. Penerbitan, Perundingan & Kecemerlangan

Fungsi:

- Membantu dan menggalakan pensyarah di dalam aktiviti penulisan dan penerbitan.

Perlaksanaan:

- Mengadakan bengkel berkaitan penerbitan dan penulisan makalah. [Bukti 5.2.2a](#)
- Mewujudkan penerbitan "Special Issues" bagi pensyarah di FSK. [Bukti 5.2.2b](#)
- Menggerakkan aktiviti penyelidikan *Research Interest Group* (RIG) yang membantu kepada penubuhan CoE [Bukti 5.2.2c](#)

iii. Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (ICAN)

Fungsi:

- Mewujudkan kerjasama strategik dan jaringan industri di antara institusi kerajaan dan swasta melalui MOU atau MOA.

Perlaksanaan:

- Mengadakan program mobiliti pelajar dalam dan luar negara.
- Pertambahan MOU/MOA dari kalangan university luar dan industri. [Bukti 5.2.2d](#)
- Menjalankan projek komuniti berimpak tinggi yang memberi impak besar kepada komuniti. [Bukti 5.2.2e](#)

iv. Pengurusan Klinik

Fungsi:

Unit ini mengkoordinasikan perkhidmatan klinikal berkaitan penjagaan kesihatan bersekutu dari segi penilaian kesihatan, intervensi dan pemulihan serta penjanaan pendapatan melalui pengembangan skop perkhidmatan.

3) Latihan dan Pembangunan

Pejabat PJI msentiasa memastikan latihan dan kompetensi staf berada pada tahap yang optimum bagi membolehkan pelaksanaan yang cemerlang di bawah bidang tumpuan tersebut. Antara latihan yang telah dijalankan:

- i) Bengkel Qualitative Methodology telah dijalankan dan seramai 30 orang peserta. [Bukti 5.2.3a](#)
- ii) Bengkel penulisan Siri 1 telah di jalankan di Hotel Ancasa Royale Kuantan Pahang seramai 70 orang. [Bukti 5.2.3b](#)
- iii) Bengkel penulisan Siri 2 telah di jalankan di Hotel Avilion Port Dickson seramai 38 orang peserta. [Bukti 5.2.3c](#)

4) Membudayakan kerja berpasukan

Pejabat PJI sering memperkasakan budaya kerjasama dan kemahiran kepimpinan di kalangan warga FSK bagi mencapai kecemerlangan di dalam bidang tumpuan. Antara program budaya kerjasama yang dijalankan adalah:

- i) Program "*team building*" dijalankan dikalangan ketua pusat pengajian dan pengurusan tertinggi FSK. Seramai 80 orang peserta mengikuti program ini. [Bukti 5.2.4a](#)
- ii) Penubuhan kumpulan penyelidik / *Research Interest Group* (RIG). Sebanyak 5 kumpulan RIG yang telah diluluskan oleh FSK dan sebanyak 3 kumpulan yang diluluskan di peringkat UiTM. [Bukti 5.2.4b](#)
- iii) Untuk membudayakan penghasilan produk yang berinovatif dan kreatif. Seramai 50 orang telah menyertai pertandingan inovasi secara berkumpulan. [Bukti 5.2.4c](#)

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_S01_SB02_20231_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.2.1.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB02_20232_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.2.2.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB02_20233_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.2.2d.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB02_20234_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.2.3.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB02_20235_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.2.4.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PENGURUSAN KEPAKARAN DAN PENGALAMAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan FSK sentiasa memberi perhatian dan tumpuan kepada bidang kepakaran dan pengalaman sumber manusia. Ini selaras dengan kehendak utama universiti yang mahukan setiap jabatan dapat mengoptimumkan sumber manusia yang ada. Bagi tujuan ini, FSK telah mengumpul data pencapaian staf bagi semua pengawai akademik bagi mengenalpasti kelayakan, pengalaman dan kepakaran mereka. Kepakaran dan pengalaman yang mereka ada mampu untuk memacu FSK kearah pencapaian kecemerlangan di dalam bidang tumpuan.

1. Staff akademik Gred VK (2 orang)

Dekan FSK adalah dari pensyarah gred VK dan penglibatannya dapat meningkatkan kompetensi dan memenuhi keperluan universiti. [Bukti 5.3.1](#)

2. Staff akademik Gred DM53/54 (15 orang) [Bukti 5.3.2](#)

- Koordinator Penerbitan FSK (seorang)
- Koordinator Perolehan Geran FSK (seorang)
- Panel MQA (2 orang)
- *External Auditor* (4 orang)
- *Adjunct Professor* (seorang)
- *Visiting Professor* (2 orang)
- *Academic Advisor International dan National* (2 orang)
- *Professional Technologists* (2 orang)
- President Persatuan (2 orang)
- Panel penilai kertas cadangan geran FRGS
- Panel penilai kertas cadangan geran UiTM

3. Staf akademik DM 51/52 (81 orang) [Bukti 5.3.3](#)

- Panel MQA (2 orang)
- *External Auditor* (6 orang)
- *Academic Advisor International dan National* (2 orang)
- *Professional Technologists* (5 orang)
- President persatuan (1 orang)
- Panel penilai kertas cadangan geran UiTM
- Penceramah (12 orang)
- Penceramah di dalam bidang komuniti (3 orang)

Keterlibatan pensyarah DM53/54 dan DM 45/46 didalam perluasan kepakaran dapat mempertingkatkan kepercayaan organisasi/ jabatan luar terhadap kredibiliti pegawai FSK. Ia juga dapat memantapkan profiling pegawai FSK dan meningkatkan reputasi FSK di peringkat national dan antarabangsa. Selain dari itu, ia juga dapat meningkatkan visibiliti FSK di organisasi luar terutama pengantarabangsaan. Keterlibatan staff akademik ini juga dapat pengiktirafan dan kepercayaan pihak luar terhadap pegawai FSK sebagai pakar rujuk. [Bukti 5.3.4](#)

4. Staff sokongan Skim U 975 orang), Skim F (2 orang) dan Skim J (seorang) - Menguruskan klinik-klinik di bawah kelolaan FSK

Bagi mengalakkan penerbitan dan perolehan geran, FSK juga menggalakkan penglibatan staf akademik dalam trek penyelidikan serta penubuhan Research Interest Group (RIG).

5. Seramai 11 orang pensyarah telah diletakkan dibawah trek penyelidikan. [Bukti 5.3.5](#)

6. Sebanyak 5 kumpulan RIG telah ditubuhkan bagi memberi fokus kepada aktiviti penyelidikan

secara berkumpulan. Antaranya ialah: BUKTI 5.3.5

- *Special Population Research, Innovation & Knowledge Group (SPaRK)*
- *Occupational Health and Safety Risk Management (OHSeM)*
- *Integrated Nutrition Science and Therapy Research Group (INSPIRE)*
- *Evidence-Based Nursing (E-NURS)*
- *Ocular Wellness & Neuro-Ophthalmic Research (OWNeR)*

Pesyarah di trek penyelidikan dan penubuhan RIG ini dapat dilihat sebagai usaha fakulti untuk memperkasakan aktiviti penyelidikan dan perolehan geran dikalangan staf akademik. Kumpulan ini juga bertujuan untuk menjadi individu bertanggungjawab bagi memperluaskan peluang di dalam penerbitan dan perolehan geran sekaligus membantu dalam pencapaian KPI fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB03_20231_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.3.1.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB03_20232_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.3.2.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB03_20233_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.3.3.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB03_20234_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.3.4.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB03_20235_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan PJI FSK mengambil berat kualiti kerja yang dipengaruhi oleh tahap kepuasa hati pensyarah terhadap persekitaran dan sistem kerja yang ada. Sehubungan itu, PJI FSK melakukan inisiatif **pemantauan** melalui sistem Dashboard@FSK bagi mengenalpasti sebarang aduan dan kepuasa hati pensyarah terhadap persekitaran dan sistem kerja serta prestasi dan keberhasilan pensyarah dalam aspek 3P, penulisan, permohonan geran, dan pengkomersialan. Bukti 5.4.1a

Bagi memantau prestasi dan keberhasilan pensyarah, PJI FSK memanfaatkan sistem *Portal for Research and Innovation Management (PRIME)* Bukti 5.4.1a. Sistem ini digunakan untuk memantau status dan perkembangan semasa yang dicapai dalam ketiga-tiga aspek. Contohnya bagi aspek penerbitan, pemantauan dilakukan dari segi bilangan statistik penerbitan, penerbitan yang sudah atau belum disahkan, penerbitan yang dipulangkan, dan penerbitan yang berjaya didaftarkan Bukti 5.4.1a. Kaedah pemantauan yang sama turut dilaksanakan bagi aspek permohonan geran dan pengkomersialan. Hasil pemantauan kemudiannya dianalisa dan dibentangkan melalui mesyuarat pengurusan fakulti untuk mengenalpasti sebarang risiko bagi melaksanakan strategi pencegahan, serta menambahbaikkan persekitaran dan sistem kerja PJI FSK. Bukti 5.4.1a

Soal Selidik Prestasi Pengurusan PJI FSK Bukti 5.4.1b telah dilaksanakan bagi mengenalpasti sebarang aduan dan kepuasa hati pensyarah terhadap pengurusan persekitaran dan sistem kerja dalam aspek penulisan, permohonan geran, dan pengkomersialan. Ini bertujuan untuk mengetahui keadaan semasa pengurusan dan penambahbaikkan yang perlu dilaksanakan. Soal selidik secara khususnya mengukur aspek-aspek prestasi pengurusan seperti penyampaian perkhidmatan, corak pengurusan, dan keterlibatan warga fakulti dalam pelan perancangan tahunan PJI FSK.

Berdasarkan analisa soal selidik, sebanyak 97.2% pensyarah menyatakan bersetuju dengan tahap prestasi penyampaian perkhidmatan PJI FSK Bukti 5.4.1b. Trend yang sama dapat dilihat dalam aspek corak pengurusan dan keterlibatan warga fakulti dengan lebih 88% pensyarah menyatakan bersetuju bagi setiap pecahan aspek yang dinilai seperti yang diperincikan dalam jadual Bukti 5.4.1b

Pihak PJI FSK juga telah menyediakan sistem aduan terus bagi pensyarah menyalurkan sebarang ketidakpuasa hati dan aduan tentang sistem kerja kepada bahagian Pengurusan Pensyarah dan Pentadbiran. Bagi aduan tentang persekitaran kerja pula, pensyarah dihubungkan kepada bahagian Unit Teknikal. Keberkesanan kaedah ini disokong dengan hasil analisa soal selidik yang menunjukkan 88.9% pensyarah bersetuju bahawa pengurusan PJI FSK menyediakan saluran komunikasi berhubung hal ehwal kemudahan, kebajikan, dan pembangunan insaniah pensyarah Bukti 5.4.1b

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_S01_SB04_SC01_20231_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.1a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB04_SC01_20232_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.1b.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastika hasil kerja yang berkualiti, pihak PJI FSK melaksanakan **pengurusan risiko** yang bersistematik dalam aspek prestasi dan keberhasilan pensyarah. Oleh itu, pihak PJI FSK berusaha mengenalpasti risiko yang dihadapi oleh pensyarah dari aspek penerbitan, permohonan geran, dan pengkomersialan bagi mencegah kegagalan mencapai indeks prestasi utama (KPI) PJI FSK. Jadual [Bukti 5.4.2a](#) telah memperincikan risiko bagi ketiga-tiga aspek tersebut dan pendekatan pencegahan risiko yang telah dilaksanakan.

Kegagalan dalam mencapai KPI dalam aspek penerbitan dan permohonan geran secara khususnya boleh berlaku disebabkan oleh kekurangan maklumat atau peluang yang boleh dicapai oleh pensyarah. [Bukti 5.4.2a](#) Bagi aspek pengkomersialan pula, risiko yang berlaku boleh melibatkan kekurangan peluang bagi pensyarah dalam penglibatan komuniti sama ada pada di kalangan awam ataupun professional tempatan dan antarabangsa. Pada masa yang sama, sistem pengurusan sumber manusia yang kurang efektif terutamanya pensyarah dan staf sokongan PJI FSK boleh menyumbang kepada kegagalan mencapai KPI dalam aspek pengkomersialan [Bukti 5.4.2a](#).

Setiap risiko yang berjaya dikenalpasti kemudiannya dianalisa dan dibentangkan melalui mesyuarat pengurusan fakulti bagi menyusun strategi pencegahan. Antara strategi yang telah dilaksanakan termasuklah siri bengkel bagi meningkatkan prestasi dan keberhasilan pensyarah serta staf sokongan PJI FSK dalam aspek penerbitan dan permohonan geran, serta siri program yang menghubungkan pensyarah dengan komuniti professional tempatan bagi meningkatkan prestasi pengkomersialan di sepanjang sesi perkhidmatan PJI FSK sesi 2022 [Bukti 5.4.2b](#) dan [Bukti 5.4.2c](#).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB04_SC02_20231_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.2a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB04_SC02_20232_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.2b.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB04_SC02_20233_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.2c.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan PJI meneliti setiap risiko terhadap pensyarah FSK dan menanganinya melalui implementasi **persekitaran kerja dan sistem kerja** kondusif untuk warga FSK yang dirumuskan dalam [Bukti 5.4.3a](#).

- **SISTEM KERJA KONDUSIF:** Pengurusan PJI menubuhkan Dashboard@FSK sebagai inisiatif penambahbaikan sistem kerja kondusif. Ianya dilihat sebagai *platform* untuk hebahan, perancangan, dan pemantauan pencapaian 3P pensyarah FSK dimana PJI mewar-warkan penggunaan Dashboard@FSK ke seluruh warga FSK melalui jerayawara (*roadshow*) ke setiap Pusat Pengajian. [Bukti 5.4.3b](#).
- Selain itu, PJI menubuhkan Jawatankuasa Kecil Penyelidikan Fakulti, FERC oleh Pengurusan PJI sebagai kesinambungan daripada Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti yang berperanan memantau dan menyemak kertas penyelidikan dan membincangka halatuju aktiviti penyelidikan pensyarah di peringkat fakulti yang lebih berfokus. Penubuhan FERC diwar-war melalui Taklimat Proses Permohonan Etika Penyelidikan FSK melalui hebahan emel kepada pensyarah FSK. [Bukti 5.4.3b](#)
- Bagi mewujudkan sistem kerja kondusif dikalangan pensyarah FSK, Pengurusan PJI prihatin kekangan masa khusus untuk penulisan akademik. Penguatkuasaan slot khas, '*Writing Hour*' dilaksanakan secara mingguan, setiap hari Khamis, jam 2 hingga 5 petang untuk tujuan aktiviti 3P. PJI mewar-war makluman *Writing Hour* melalui jerayawara Pelan Tindakan Strategik PJI untuk dikongsi kepada pensyarah FSK. [Bukti 5.4.3c](#)
- Sistem kerja kondusif aspek penerbitan makalah ditambahbaik dengan langganan pengkalan jurnal berindeks berskala pendek dengan proses semakan makalah (*peer-review*) yang singkat. Usaha PJI ini menggalakkan penerbitan makalah dengan efisien seterusnya mencapai sasaran PI fakulti. PJI membuat hebahan kepada pensyarah FSK melalui hebahan emel, media sosial untuk perkongsian maklumat. [Bukti 5.4.3c](#)
- **PERSEKITARAN KERJA KONDUSIF:** Pengurusan PJI mengambil inisiatif menyusun atur semula ruang pejabat PJI menyediakan fasiliti mesin fotostet berhampiran, mengasingkan peti simpanan (*pigeon hole*) pensyarah dan pentadbiran PJI dan disediakan ruang menunggu dan perbincangan. Pensyarah FSK mendapat manfaat ketika berurusan dengan kakitangan PJI dengan persekitaran kerja kondusif dari aspek keselesaan ruang kerja dan mesra pengguna di pejabat PJI. [Bukti 5.4.3d](#)
- Pengurusan PJI turut bertindak terhadap maklumbalas soal-selidik PJI dengan komitmen menyediakan kemudahan pensyarah FSK seperti bengkel penulisan untuk penyelidik, kemudahan pangkalan jurnal berskala pendek dan gandingan penyelidik berpengalaman/ berkepakaran/ bakal bersara bersama penyelidik muda. Kemudahan kebajikan dan pembangunan insan seperti program rekreasi, ceramah kesihatan mental, dan kerohanian untuk pensyarah FSK juga disediakan selain hebahan latihan meningkatkan nilai kompetensi individu. [Bukti 5.4.3e](#)

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB04_SC03_20231_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.3a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB04_SC03_20232_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.3b.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB04_SC03_20233_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.3c.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB04_SC03_20234_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.3d.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB04_SC03_20235_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.4.3e.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Beberapa tindakan penambahbaikan dan **inovasi** dijayakan oleh pengurusan PJI bahkan, amalan dan pembudayaannya turut di **integrasikan ke luar UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa** seperti di rumusan [Bukti 5.5a](#).

- Bagi **penambahbaikan sistem kerja** untuk tujuan **visibiliti dan pengurusan perkhidmatan** yang efisien, inovasi dilakukan melalui sistem temujanji Klinik Optometri dengan implementasi Sistem SMS Bulk oleh Klinik Optometri sebagai sistem pemberitahuan yang lebih efisien. Sistem ini di integrasikan ke luar UiTM, peringkat nasional terhadap masyarakat awam. [Bukti 5.5b](#)
- Klinik Optometri Bergerak juga antara inovasi dalam mengintegrasikan perkhidmatan pemeriksaan mata kepada masyarakat umum dengan pergerakan bas ke destinasi terpilih. Hebahan kepada Masyarakat melalui media sosial FSK. [Bukti 5.5b](#)
- Dalam **menambahbaik pengkomersialan** penyelidik FSK, penganjuran program inovasi berbentuk nasional dan antarabangsa seperti *International Innovation, Invention, and Creation Exhibition* (IIIICE 2022) sebagai platform mempertandingkan produk akademik penyelidik. [Bukti 5.5c](#)
- Pensyarah FSK turut berkolaborasi dalam penyelidikan diperingkat **antarabangsa** dengan lantikan sebagai profesor adjung dan profesor pelawat dengan universiti luar negara yang dilihat inovasi p **engkomersialan penyelidikan**.
- Selain itu, inovasi **pengkomersialan perkhidmatan** termasuklah mengintegrasikan kepakaran pensyarah dan perkhidmatan FSK melalui media massa dan media sosial seperti di stesen radio UFM dan laman *Facebook* FSK selain pengkomersialan aktiviti jaringan komuniti (CSR dan KTP) anjuran pusat rehabilitasi FSK melalui media sosial FSK. [Bukti 5.5c](#)
- FSK juga prihatin akan setiap sumbangan dan jasa warga FSK yang membantu meningkatkan prestasi FSK dalam bidang PJI dengan memberikan **penghargaan dan pengiktirafan** kepada sumber manusia. [Bukti 5.5a](#)
- Penganjuran acara tahunan, Majlis Anugerah Kualiti FSK 2022 (MAK 2022) sebagai inisiatif menzahirkan penghargaan, ganjaran dan motivasi kepada pensyarah atas usaha mereka mempertingkatkan penyelidikan melalui beberapa anugerah PJI yang dipertandingkan. [Bukti 5.5d](#)
- Penghargaan turut diberikan kepada pensyarah FSK dengan skim pembiayaan dan insentif penerbitan artikel dan buku, tajaan yuran penerbitan dan konferens diberikan kepada pensyarah yang membuat penerbitan penulisan akademik. [Bukti 5.5d](#)
- Pengurusan PJI turut memberi pengiktirafan *'Top Author's* FSK bagi penerbitan berindeks (WoS/ Scopus) bagi prosiding & jurnal dengan peranan sebagai penulis *corresponding*, melalui hebahan poster pengiktirafan di media sosial. [Bukti 5.5d](#)
- Pengiktirafan kepakaran pensyarah FSK oleh organisasi luar UiTM turut diterbitkan di media cetak seperti akhbar *The Star*, Berita Harian dan Sinar Bestari akan perkongsian kepakaran dalam bidang mereka untuk dimanfaatkan masyarakat umum. [Bukti 5.5e](#)

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_S01_SB05_20231_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.5a.pdf](#)
2. [F0042_S01_SB05_20232_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.5b.pdf](#)
3. [F0042_S01_SB05_20233_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.5c.pdf](#)
4. [F0042_S01_SB05_20234_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.5d.pdf](#)
5. [F0042_S01_SB05_20235_FSK_SUMBER MANUSIA_Bukti 5.5e.docx.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Melalui kriteria yang dipilih, ia terbahagi kepada aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Seluruh sistem ini didukung melalui inovasi *Research Powerhouse@FSK* dalam memastikan pelaksanaan objektif dapat dicapai. Pada peringkat **perancangan** (Plan), setiap lapisan staf di Fakulti Sains Kesihatan (FSK) akan dimaklumkan melalui Jerayawara ke setiap pusat pengajian bagi menerangkan *Operational Definition* kepada setiap penggerak dan justifikasi pembahagian Petunjuk Prestasi (*Performance Indicator, PI*) mengikut pusat pengajian dan agihan PI kepada setiap Pusat Pengajian. Strategi **pelaksanaan** (Do) pula adalah melalui inovasi *Dashboard@FSK* yang merupakan pangkalan data pencapaian penyelidikan dan penerbitan bagi setiap PI yang juga berperanan sebagai strategi **pemantauan** (Check) ke arah menggerakkan pelaksanaan objektif. *In-house Journal @ FSK* pula merupakan salah satu inisiatif **inovasi** bagi mendukung pelaksanaan objektif penerbitan dan bengkel-bengkel pemantapan kertas penyelidikan pula dilaksanakan bagi mendukung pelaksanaan objektif penyelidikan. Manakala, bagi aspek pengkomersialan, strategi pelaksanaan yang dilakukan adalah melalui pemantapan sistem Perkhidmatan Klinik di FSK dilakukan yang bertujuan untuk penjanaan pendapatan bagi menggerakkan strategi penyelidikan dan penerbitan. **Pemantauan** (Check) berterusan dilakukan melalui **inovasi** *Dashboard@FSK* bagi memastikan setiap staf dan Pusat Pengajian mencapai PI penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan yang telah ditetapkan. Tindakan **penambahbaikan** (Act) dapat dilaksanakan melalui strategi **pengukuhan** (reinforcement) iaitu sistem *Monitor-Enforce-Execute* (MEE), di mana mereka diletakkan di bawah pemantauan seorang mentor untuk membimbing mereka terutamanya dalam aspek penerbitan dan penyelidikan selain daripada sesi berkongsi ilmu melalui bengkel penulisan manuskrip atau persediaan permohonan geran nasional/swasta/antarabangsa. Bagi aspek inovasi dan pengkomersialan pula, tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah melalui hebahan menyeluruh akan sistem perkhidmatan klinikal yang ada di FSK bagi meningkatkan penjanaan pendapatan perkhidmatan klinikal yang bertujuan untuk menggerakkan pelaksanaan penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersialan.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat beberapa proses utama yang membawa kepada pendekatan bagi menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan yang diringkaskan dalam lampiran Bukti 6.2.1. Melalui **inovasi Research Powerhouse@FSK**, beberapa inisiatif inovasi telah diperkenalkan bagi menyokong pelaksanaan objektif setiap bidang terpilih.

Bagi bidang penyelidikan, **inovasi** yang diperkenalkan adalah melalui *Dashboard@FSK*, yang merupakan pangkalan data berpusat bagi setiap staf akademik dan Pusat Pengajian mengemaskinikan pencapaian mereka. Terlebih dahulu, pemakluman strategi sasaran Petunjuk Prestasi (*Performance Indicator, PI*) bagi tahun tersebut akan dihebahkan kepada semua ahli Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF) dan staf akademik. Melalui itu, pembahagian PI telah dimaklumkan dengan jelas kepada setiap Ketua Pusat Pengajian (KPP) untuk disampaikan terus kepada semua ahli akademik di Pusat Pengajian masing-masing bagi tindakan selanjutnya. Kemudian, pendekatan yang dibuat bagi memastikan objektif utama tercapai adalah melalui bengkel-bengkel yang diadakan bagi memastikan penyelidikan yang bakal dijalankan adalah berkualiti dan berimpak. Pihak fakulti juga telah merencanakan beberapa sesi **perkongsian kepakaran** berkaitan strategi permohonan geran penyelidikan (nasional, swasta dan antarabangsa) dan bengkel pemurnian penulisan kertas cadangan penyelidikan (Rujuk Bukti 6.2.2).

Seterusnya, bagi mencapai sasaran bidang penerbitan yang telah ditetapkan, melalui **inovasi Dashboard@FSK**, setiap staf akademik dan Pusat Pengajian akan sentiasa mengemaskini status terkini pencapaian mereka. bagi mendokong pelaksanaan objektif Penerbitan, Fakulti Sains Kesihatan juga telah berkolaborasi bersama beberapa jurnal tempatan yang terindeks Scopus melalui strategi **inovasi** penerbitan '*Journal in-house@FSK*'. Jurnal tersebut adalah *Malaysian Journal of Medical & Health Sciences (MJMHS)* dan *Journal of Sustainability Science & Management (JSSM)* bagi menyediakan platform kepada semua ahli akademik untuk menerbitkan hasil penyelidikan mereka dan seterusnya membantu mencapai PI fakulti serta mengadakan bengkel pemantapan penulisan artikel jurnal yang juga melibatkan perkongsian kepakaran oleh penceramah yang berpengalaman (Rujuk Bukti 6.2.3).

Akhir sekali, bagi mencapai sasaran bidang inovasi dan pengkomersialan pula, pihak fakulti telah mengembangkan **inovasi** melalui pemantapan perkhidmatan klinikal yang melibatkan penubuhan lima (5) klinik bagi meningkatkan penajaan pendapatan FSK. Hasil pendapatan tersebut telah disalurkan bagi menggerakkan dan mencapai semua strategi dan inisiatif yang telah direncanakan di bawah bidang penyelidikan, penerbitan, inovasi dan penyelidikan (Rujuk Bukti 6.2.4).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_O01_OB02_20231_Bukti 6.2.1.docx.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB02_20232_Bukti 6.2.2.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB02_20233_Bukti 6.2.3.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB02_20234_Bukti 6.2.4.pdf](#)
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan kali ini menggunakan model yang sangat sinonim iaitu **Model Ganjaran dan Hukuman** (*Reward and Punishment Model*) yang merujuk kepada dua aspek penting yang berkaitan dengan gaji dan peluang kenaikan pangkat dalam sesebuah organisasi (rujuk Bukti 6.3.1).

Fungsi pemberian anugerah adalah bagi menghargai tingkah laku yang bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi, manakala penalti pula direka bagi menghapuskan tingkah laku yang menghalang pencapaian mereka yang seterusnya mempengaruhi pencapaian matlamat organisasi. Di FSK, matlamat utama adalah untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Ganjaran dan hukuman mengikut amalan UiTM sangat berkaitan dengan kenaikan pangkat yang direfleksikan melalui skor 'performance' melalui MyATP, selaras dengan memenuhi keperluan menaikkan MyRA UiTM.

FSK juga menghargai staf melalui pemberian insentif bagi ahli akademik yang berjaya menerbitkan artikel terindeks (Scopus/WoS/MyCite). Selain daripada itu, usaha mereka turut dihargai melalui penganjuran Majlis Anugerah Kualiti bagi mengiktiraf pencapaian dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Hebahan pencapaian ahli akademik di media sosial rasmi seperti Facebook Rasmi FSK yang secara tidak langsung dapat meningkatkan semangat dan daya saing yang sihat di kalangan staf akademik (rujuk Bukti 6.3.1).

Walau bagaimanapun, amalan yang dipraktikkan bagi hukuman di FSK adalah merujuk kepada **pengukuhan** (*reinforcement*). Sebagai contoh, staf yang tiada penerbitan akan dirujuk kepada system *Monitoring, Enforce and Execute* (MEE), di mana mereka diletakkan di bawah pemantauan seorang mentor untuk membimbing terutamanya dalam penerbitan selain daripada berkongsi ilmu melalui bengkel penulisan manuskrip atau persediaan permohonan geran nasional/industri/antarabangsa (rujuk Bukti 6.3.1).

Secara amnya, dipersetujui bahawa model ganjaran dan pengukuhan di FSK adalah diringkaskan mengikut sistem *Plan, Do, Check & Action* (Rujuk Bukti 6.3.2). Bagi komponen penyelidikan, **perancangan** (*Plan*) yang dibuat adalah melalui jerayawara (pemakluman/hebahan) ke setiap Pusat Pengajian bagi menerangkan Operational Definition kepada setiap penggerak dan justifikasi pembahagian Petunjuk Prestasi mengikut pusat pengajian dan agihan PI pada sukuan pertama melalui Bengkel Perancangan Strategik Fakulti (Rujuk Bukti 6.3.3). Manakala, bagi **pelaksanaan** (*Do*), beberapa siri bengkel penulisan dan permohonan penyediaan geran penyelidikan telah diadakan bagi menggerakkan strategi pencapaian PI FSK (Rujuk Bukti 6.3.4). Bagi aspek pengkomersialan, strategi **pelaksanaan** (*Do*) yang dilakukan adalah melalui pemantapan sistem Perkhidmatan Klinik di FSK yang bertujuan untuk penjaan pendapatan bagi menggerakkan strategi penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersialan (Rujuk Bukti 5). Kemudian, proses **pemantauan** (*Check*) telah dilaksanakan melalui **inovasi** Fakulti tersendiri iaitu *Dashboard@FSK* di mana, setiap ahli akademik akan melaporkan pencapaian mereka mengikut setiap sukuan. Pengurusan FSK akan mencerap hasil pencapaian tersebut dan dilaporkan ke dalam Laporan Sukuan FSK di Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Akhir sekali, tindakan **penambahbaikan** (*Action*) yang telah diambil bagi memastikan strategi pencapaian PI melalui mekanisme Bengkel Semakan Rancangan Tindakan Strategik & Pencapaian PI yang telah diadakan di Copthorne Hotel, Cameron Highlands pada akhir sukuan ketiga. Objektif utama bengkel ini adalah bagi mengenalpasti PI yang masih belum tercapai serta merangka strategi yang bersesuaian bagi melakukan pecutan terakhir sebelum hujung tahun. Bagi aspek pengkomersialan pula, tindakan **penambahbaikan** (*Action*) yang dilaksanakan adalah melalui hebahan menyeluruh akan perkhidmatan klinikal yang ada di FSK bagi meningkatkan penjaan pendapatan perkhidmatan klinikal.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB03_20231_Bukti 6.3.1.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB03_20232_Bukti 6.3.2.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB03_20233_Bukti 6.3.3.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB03_20234_Bukti 6.3.4.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB03_20235_Bukti 6.3.5.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi meningkatkan dan memastikan objektif dan inisiatif strategik tercapai, pihak Fakulti Sains Kesihatan (FSK) juga telah menjalankan beberapa **pemantauan** yang dapat dibahagikan kepada (i) **pemantauan sendiri** (Sendiri), (ii) **berpasukan** (mengikut kumpulan pusat pengajian) dan juga secara (iii) **keseluruhan**. Pemantauan ini selari dengan inisiatif **inovasi Dashboard@FSK** yang menumpukan kepada penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (Bukti 1: 6.4.1).

Bagi pemantauan secara individu, setiap ahli akademik sentiasa diingatkan tentang tugas dan tanggungjawab dalam mencapai aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di mana mereka perlu melaporkan hasil pencapaian secara berkala (Bukti 1:6.4.1). Staf yang tidak mencapai PI akan dikenalpasti sebagai denominator dan akan ditempatkan dalam program *Monitor-Enforce-Execute* (MEE) bagi tujuan pemantauan berterusan dan bersifat lokaliti serta disediakan pelbagai perkongsian ilmu berkenaan penyelidikan dan penulisan contohnya Bengkel Persediaan Penulisan Geran Penyelidikan (Bukti 2:6.4.1), Bengkel Penulisan Siri I & II, dan inisiatif **inovasi in-house journal@FSK** penerbitan berindeks melalui Special Issues di Malaysian Journal of Medical & Health Sciences (MJMHS) dan Journal of Sustainability Science & Management (JSSM) (Bukti 2: 6.4.1).

Di awal tahun dan juga pada setiap kali sukuan tahunan, hebahan berkenaan agihan Petunjuk Prestasi (Performance Indicator, PI) seringkali dipaparkan kepada semua ahli akademik. Pemantauan di setiap pusat pengajian juga dijalankan bagi memastikan sasaran sukuan tahunan tercapai (Bukti 2: 6.4.1).

Manakala, bagi komponen pengkomersialan, hebahan berterusan telah diadakan bagi setiap sukuan bagi mendapatkan data berkenaan inovasi dan pengkomersialan daripada staf FSK melalui inisiatif **Dashboard@FSK**, yang merupakan salah satu inovasi di bawah sistem yang dinamakan '*Research Powerhouse @FSK*' yang merangkumi proses pemantauan pencapaian staf (Bukti 1: 6.4.1).

Hasil **pemantauan berterusan** melalui **Dashboard@FSK** bagi mengenalpasti PI yang belum mencapai sasaran yang ditetapkan, langkah seterusnya adalah **mengkajisemula pengurusan** bagi memastikan strategi seterusnya dapat menggerakkan objektif penyelidikan, penerbitan, inovasi & pengkomersialan. Strategi seterusnya adalah dengan mengenalpasti staf denominator untuk dipilih di dalam program MEE dan Rising Star dan menawarkan bengkel-bengkel pemantapan kertas penyelidikan juga manuskrip bagi memastikan mereka dapat mencapai sasaran sendiri seperti yang ditetapkan (Bukti 2: 6.4.1).

SENARAI BUKTI:

1. [F0042_O01_OB04_OC01_20231_Bukti_1_6.4.1 Pemantauan.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB04_OC01_20232_Bukti_2_6.4.1 Pemantauan.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB04_OC01_20233_Bukti_3_6.4.1 Pemantauan.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa faktor risiko yang dikenalpasti yang mungkin menjadi halangan bagi pihak fakulti untuk bergerak ke hadapan terutamanya daripada aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Ia dapat dibahagikan kepada empat faktor utama iaitu (i) **ahli penyelidik**, (ii) **infrastruktur**, (iii) **integriti penyelidikan** (*research integrity*) dan (iv) **pemegang taruh** (*stakeholders*).

Pertama, setiap **ahli akademik/penyelidik** telah dimaklumkan akan PI yang perlu dicapai mengikut gred mereka bagi penilaian prestasi tahunan ahli akademik tersebut. Walau bagaimanapun, ada beberapa risiko yang dikenalpasti menjadi kekangan untuk mencapai ketiga-tiga aspek tersebut yang seterusnya menyebabkan pencapaian PI fakulti juga turut terkesan.

Kedua, **infrastruktur** yang mencukupi dan seiring dengan kemajuan teknologi merupakan salah satu faktor utama yang membantu ke arah pencapaian PI FSK bagi aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang dikenalpasti menjadi cabaran ke arah pencapaian tersebut.

Ketiga, **integriti** penyelidikan juga perlu bagi memastikan penyelidikan beretika dapat dijalankan dan seterusnya dapat menghasilkan penerbitan dan pengkomersialan yang berimpak.

Akhir sekali, **pemegang taruh** pula merupakan pemberi dana penyelidikan. Maka, adalah perlu bagi penyelidik/ahli akademik mempersiapkan kemahiran mereka seiring dengan kehendak pemegang taruh. Penjelasan terperinci berkenaan perkara-perkara yang menjadi risiko kegagalan pencapaian PI fakulti adalah seperti di Jadual Risiko di Bukti 1:6.4.2.

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB04_OC02_20231_Bukti 1_6.4.2.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan empat (4) faktor risiko utama yang telah dikenalpasti terdahulu, pencapaian Petunjuk Prestasi (*Performance Index*, PI) fakulti sentiasa dilaporkan secara berkala mengikut sukuan pertama, kedua, ketiga dan keempat di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF) bagi mengetahui tahap pencapaian fakulti serta mengenalpasti masalah yang timbul semasa proses pencapaian dan **tindakan penambahbaikan** yang boleh dijalankan. Pelbagai **strategi** dan **inisiatif** telah diaplikasikan ke dalam sistem bagi tujuan **penambahbaikan** berdasarkan kategori risiko yang dikenal pasti seperti di dalam Jadual Risiko dan Tindakan Penambahbaikan di Bukti 1:6.4.3).

Bagi kategori **individu**, beberapa siri bengkel perkongsian kepakaran berkenaan penyelidikan dan penerbitan, seperti bengkel penulisan manuskrip siri I & II telah diadakan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang penyelidikan dan penulisan.

Manakala, dari segi faktor **infrastruktur**, bagi memastikan instrumen sediaada mencukupi dan boleh digunakan secara optimum, beberapa langkah pemantauan telah diadakan seperti Rekod Penggunaan Instrumen dan kepatuhan kepada Audit Harta yang dapat membantu dalam tindakan penambahbaikan.

Untuk kategori **integriti penyelidikan** (*research integrity*), berdasarkan platform yang telah disediakan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, staf akademik FSK sentiasa dimaklumkan berkenaan hebahan dan perkongsian berkenaan kualiti penyelidikan dan penerbitan.

Akhir sekali, bagi kategori **pemegang taruh** (*stakeholder*), ahli akademik FSK juga sentiasa cakna dengan hebahan dan perkongsian yang dianjurkan oleh Pejabat TNC Penyelidikan & Inovasi, Bahagian Penyelidikan & Inovasi, UiTM Cawangan Selangor (UCS), Research Nexus UiTM (ReNeu) dan Research Management Centre (RMC).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB04_OC03_20231_Bukti 1_6.4.3.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB04_OC03_20232_Bukti 2_6.4.3 \(individu\).pdf](#)
3. [F0042_O01_OB04_OC03_20233_Bukti 3_6.4.3 \(infrastruktur\).pdf](#)
4. [F0042_O01_OB04_OC03_20234_Bukti 4_6.4.3 \(research integrity\).pdf](#)
5. [F0042_O01_OB04_OC03_20235_Bukti 5_6.4.3 \(stakeholder\).pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui inovasi terbaru yang diperkenalkan iaitu *Dashboard@FSK* bagi staf akademik FSK untuk mengemaskini data penyelidikan dan penerbitan mereka selain daripada pengurusan FSK dapat memantau pencapaian individu dan Pusat Pengajian serta mengenalpasti permasalahan dan risiko yang mungkin timbul yang menjadi halangan ke arah kejayaan pencapaian PI fakulti (Rujuk Bukti 6.5.1).

Pelbagai tindakan **penambahbaikan berterusan** dan **inovasi** telah dijalankan dari masa ke semasa dan data berkenaan juga dikumpul dengan efisien melalui hebahan secara berterusan. Petunjuk Prestasi (PI) fakulti berkaitan penyelidikan dan pengkomersialan serta agihan PI kepada setiap Pusat Pengajian juga sentiasa dihebahkan kepada semua staf fakulti serta laporan pencapaian mengikut sukuan (rujuk Bukti 6.5.1). Staf juga sentiasa diingatkan dan diberi galakan untuk terlibat aktif di dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan mengikut gred dan trek masing-masing.

Antara kaedah yang digunakan bagi menggalakkan penglibatan staf dalam aktiviti penerbitan, penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan adalah melalui pemberian insentif penerbitan bagi jurnal terindeks (Scopus/WoS/MyCite), pembiayaan yuran penerbitan sehingga RM 1500 per artikel dan mensasarkan setiap ahli akademik untuk menerbitkan sekurang-kurangnya satu jurnal terindeks setahun (Rujuk Bukti 6.5.2 & 6.5.3) serta pembiayaan menghadiri konferens nasional dan antarabangsa.

Tambahan lagi, bagi menyokong dasar penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, satu lagi **inovasi** telah diperkenalkan melalui lima (5) perkhidmatan klinikal di bawah FSK. Penjana pendapatan melalui perkhidmatan klinikal ini disalurkan untuk menggerakkan pelbagai inisiatif di bawah penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (rujuk Bukti 6.5.4).

Uniknya, melalui **model inovasi** yang diperkenalkan oleh FSK, Universitas Muhamadiyah Surakarta (UMS) yang telah mengikat perjanjian MoU dengan FSK pada tahun 2022 telah mengambil inisiatif dengan mengaplikasikan model *In-house Journal@FSK* melalui jaringan kerjasama bersama jurnal antarabangsa berindeks Jurnal Gizi & Pangan bagi menjayakan konferens antarabangsa '1st International Food, Nutrition & Health'. Ini membuktikan bahawa model *Research Powerhouse@FSK* telah dijadikan **amalan pembudayaan** sebagai inspirasi dan pakar rujuk oleh **universiti antarabangsa** (rujuk Bukti 6.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0042_O01_OB05_20231_Bukti 6.5.1.pdf](#)
2. [F0042_O01_OB05_20232_Bukti 6.5.2.pdf](#)
3. [F0042_O01_OB05_20233_Bukti 6.5.3.pdf](#)
4. [F0042_O01_OB05_20234_Bukti 6.5.4.pdf](#)
5. [F0042_O01_OB05_20235_Bukti 6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Perancangan Strategik

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM melalui misinya telah menetapkan bahawa salah satu daripada hala tuju adalah untuk mempertingkatkan pembangunan penyelidikan translasional, inovasi dan pengkomersilan ke arah kesejahteraan sosio ekonomi yang berimpak dan pengiktirafan global sehingga mencapai penarafan 6 BINTANG MyRA. Sehubungan dengan itu, FSK melalui perancangan strategiknya telah menjadikan pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan perkhidmatan klinik sebagai satu bidang tumpuan utama. Bagi tahun 2022, FSK melalui bahagian PJI telah meletakkan 3 strategi utama bagi menyokong pencapaian sasaran tersebut iaitu:

- meningkatkan keterlibatan pensyarah dalam penerbitan
- meningkatkan pencapaian perolehan geran
- menggalakkan aktiviti inovasi dan pengkomersilan perkhidmatan klinik

Berdasarkan strategi utama tersebut, beberapa rangka tindakan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau bagi memastikan objektif yang disasarkan berjaya dicapai dengan jayanya. Hasil daripada pelaksanaan tersebut telah membuktikan bahawa FSK komited dalam mendukung agenda UiTM2025 dengan melonjakkan pencapaian bilangan penerbitan, perolehan geran, inovasi dan pengkomersilan perkhidmatan klinik, Skor MyRA dan Skor-i UiTM.

Pada tahun 2022, FSK berjaya **mengungguli jumlah peratusan corresponding author seluruh UiTM iaitu sebanyak 83.3%** serta berjaya meraih 100% bagi kesemua indeks pencapaian bilangan penerbitan (**7 daripada 8 indeks pencapaian bilangan penerbitan FSK telah melebihi sasaran yang ditetapkan UiTM**). Jumlah penerbitan FSK menunjukkan **tren positif di mana bilangan penerbitan pada tahun 2022 telah meningkat lebih 100%** berbanding tahun-tahun sebelumnya dan turut **melebihi sasaran bagi kategori konferensi/jurnal berindeks dan penerbitan bersama kolaborator nasional, industri dan antarabangsa**. Hasil janaan data penerbitan daripada **Scopus Tahun 2018-2022, FSK adalah tertinggi berbanding bidang yang sama di universiti terpilih dalam dan luar negara** yang mana memberi impak dan visibility FSK di peringkat antarabangsa. Rentetan itu, FSK telah menerima **3 Anugerah Kecemerlangan Pencapaian UiTM 2022 dan mendapat tempat kedua bagi insentif kecemerlangan penerbitan berindeks 2022**.

Sejumlah **RM1,334,587 geran penyelidikan** telah diperolehi FSK sepanjang tahun 2022 bagi menjayakan agenda penyelidikan dan penjanaan pendapatan universiti, dimana jumlah ini telah **melebihi sasaran tahunan**. Daripada nilai keseluruhan perolehan tersebut, sebanyak RM45,000 merupakan geran penyelidikan industri dan antarabangsa. Nilai perolehan ini juga **melebihi jumlah nilai geran yang diterima dari universiti luar negara dalam bidang yang sama**. FSK juga turut menunjukkan **tren positif dan melebihi sasaran yang ditetapkan bagi bilangan principal investigator (PI) geran nasional dan antarabangsa**. Perolehan geran nasional, industri dan antarabangsa ini bukan sahaja membantu mengekalkan kecemerlangan penyelidikan FSK, malah dapat mengangkat nama UiTM di persada negara dan antarabangsa.

Seterusnya, bagi penjanaan pendapatan daripada **perkhidmatan klinik** pada tahun 2022, FSK telah berjaya **menjana sebanyak RM252,009.45** yang mana ia adalah **melebihi sasaran yang ditetapkan**. Hal ini turut menyumbang kepada **penerimaan Anugerah Income Generation for Kumpulan Wang Amanah From Education/Training Programmes/Academic Programmes/Competition** oleh FSK.

Hasil kepimpinan yang utuh serta pengurusan risiko yang berkesan telah membawa kepada kejayaan FSK memperolehi Skor-i UiTM sebanyak 92% dan peningkatan skor MyRA pada

tahun 2022. Secara keseluruhannya, ketertarikan serta prestasi cemerlang daripada penyairan dan staf pentadbiran yang dinamik dan berdaya saing memainkan peranan utama dalam kejayaan FSK. Kejayaan ini diperkukuh lagi oleh perancangan strategik yang mampan dan efisien.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0042_HB02_20231_7.1.2 TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0042_HB03_20232_7.1.3 TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0042_HB04_20233_7.1.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0042_HB05_20234_7.1.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

TUMPUAN SUMBER MANUSIA

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Berbekalkan kekuatan tenaga sumber manusia seramai 119 orang, FSK sentiasa berusaha memastikan semua staf dapat memberikan komitmen penuh dan fokus terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan supaya kualiti adalah relevan, menjadi rujukan dan mendapat pengiktirafan samada diperingkat nasional atau antarabangsa. FSK melalui bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) telah menetapkan 3 strategi utama bagi menyokong pencapaian sasaran tersebut iaitu:

1. Keterlibatan pensyarah dalam penerbitan
2. Pencapaian perolehan geran (nasional, industri & antarabangsa)
3. Aktiviti inovasi dan pengkomersilan perkhidmatan

Pada tahun 2022, FSK memperolehi kejayaan yang sangat membanggakan di mana 83.3% (90 orang) pensyarah telah berjaya sebagai *corresponding author*. Ia adalah yang terbaik pernah dicapai dan mengatasi fakulti lain pada tahun tersebut. Bukan setakat itu sahaja, 7 daripada 8 sasaran yang ditetapkan oleh BTU telah mencatat pencapaian melebihi sasaran. FSK juga terus unggul dalam nisbah penghasilan artikel iaitu 1.8 yang mana ia menunjukkan bahawa setiap pensyarah mampu menghasilkan sekurang-kurangnya 2 artikel dan ini meletakkan FSK ditangga pertama dikalangan fakulti lain di UiTM.

Dalam bidang penyelidikan, FSK berjaya memperolehi geran penyelidikan sama ada diperingkat nasional, industri mahupun antarabangsa. Pencapai geran nasional dan antarabangsa adalah melebihi sasaran, manakala geran industri mencapai sasaran yang ditetapkan. FSK sentiasa Memastikan bahawa penyelidik mempunyai akses kepada latihan dan kemudahan yang diperlukan untuk memastikan mereka dapat menghasilkan penyelidikan berkualiti tinggi. Ini termasuklah sokongan infrastruktur, bantuan teknikal dan latihan berkala. Selain itu, menggalakkan budaya kerjasama dan berkongsi pengetahuan di kalangan penyelidik juga dapat meningkatkan hasil penyelidikan.

Bagi bidang pengkormersialan pula penting untuk mempunyai individu atau pasukan yang cekap dalam pengurusan dan perlindungan harta intelek. Pada tahun 2022 FSK telah berjaya menggondol anugerah inovasi diperingkat antarabangsa dan national. Di anggarkan 54 orang pensyarah terlibat dalam pertandingan. Selain itu, FSK juga memfokuskan pengkormersialan perkhidmatan klinik-klinik yang terdapat di FSK. Antara klinik yang beroperasi secara optima adalah Klinik Terapi Cara Kerja, Fisioterapi dan Optometri. Klinik-klinik ini ditadbir oleh pegawai-pegawai terlatih yang berpengalaman. Klinik-klinik ini juga menyediakan pelbagai perkhidmatan bersesuaian sejajar dengan keperluan warga UiTM dan masyarakat setempat.

Hasil daripada aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkormesialan yang mantap melahirkan pensyarah yang berkaliber, berilmu dan diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa. Ini dapat dilihat melalui lantikan sebagai Profesor Pelawat, Profesor adjung dan pakar komuniti. Disamping itu, pensyarah dan staf juga berpeluang mendapatkan kenaikan pangkat setiap tahun. FSK juga berjaya mengurangkan jumlah denominator bagi tahun 2022.

Secara keseluruhannya, peranan sumber manusia dalam penerbitan, penyelidikan dan pengkormesialan adalah penting dalam memastikan kejayaan dalam bidang ini. Perancangan sumber manusia yang efektif membantu memastikan penyelidikan berkualiti tinggi, penulis yang cekap dan pasukan pengkormesialan yang mahir. Oleh itu, pelaburan dalam perkembangan dan sokongan sumber manusia adalah keutamaan untuk mencapai hasil kerja yang berkualiti tinggi dan memberi impak kepada masyarakat dan ekonomi.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0042_HB02_20231_TAHAP_TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0042_HB03_20232_TREN_TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0042_HB04_20233_PERBANDINGAN_TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0042_HB05_20234_KEPENTINGAN_TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

TUMPUAN KEPADA OPERASI

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Operasi Research Powerhouse@FSK melalui inovasi Dashboard@FSK dan Perkhidmatan Klinik telah menunjukkan keberkesanan dalam kecekapan dan pencapaian penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersilan FSK pada tahun 2022. Proses operasi menumpukan kepada guna semula hasil penajaan pendapatan dari perkhidmatan klinik (RM252,009.45) dan pemantauan berterusan oleh FSK melalui Dashboard@FSK. Melalui dua mekanisme ini, beberapa strategi seperti bengkel penulisan saintifik dan pemurnian geran, dan journal in-house@FSK (MJMHS dan JSSM) telah dijalankan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Majoriti hasil kepada penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersilan FSK pada tahun 2022 telah menunjukkan pencapaian yang melebihi sasaran. Peningkatan tren positif dilihat pada bilangan perolehan geran (165%) dan penerbitan jurnal (143%) serta prosiding berindeks (188%). Setelah dibuat perbandingan dengan fakulti terpilih, pencapaian FSK dalam penyelidikan dan penerbitan adalah sangat memberangsangkan di mana FSK berada di tempat pertama bagi peratusan *corresponding author* dalam UiTM (83%). Impak dari operasi yang dijalankan ini telah menunjukkan hasil positif kepada MyRA FSK (63.61%, 4 bintang) dan Skor i-UiTM FSK 2022 (92%, 6 bintang). Kecemerlangan operasi kepada penyelidikan dan penerbitan FSK membolehkan FSK mendapat pengiktirafan di Anugerah Kecemerlangan Pencapaian UiTM 2022. Pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa juga telah dicapai oleh penyelidik FSK pada tahun 2022, bersama dengan penubuhan RIG baharu di FSK, hasil daripada operasi Research Powerhouse@FSK: Dashboard@FSK dan Perkhidmatan Klinik.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0042_HB02_20231_7.3.2 TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0042_HB03_20232_7.3.3 TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0042_HB04_20233_7.3.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0042_HB05_20234_7.3.5 KEPENTINGAN.pdf](#)